

PERANAN MUZIUM KOMUNITI DALAM PENGEKALAN
IDENTITI DI MELAKA, TAPAK WARISAN DUNIA MALAYSIA.

NOR ATIKAH BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

2022

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PERANAN MUZIUM KOMUNITI DALAM PENGEKALAN
IDENTITI DI MELAKA, TAPAK WARISAN DUNIA MALAYSIA.**

Oleh:

NOR ATIKAH BINTI ABDULLAH

C18A0217

Laporan ini disediakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan Dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

AKSES TERBUKA Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)
SULIT Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972
TERHAD Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)

SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:

Atikah



Tandatangan

Nama: Nor Atikah Binti Abdullah
Tarikh: 28 Februari 2022

Tandatangan Penyelia

DR. SURAYA BINTI SUKRI
Nama: Dr. Suraya Binti Sukri
Tarikh: 27/2/2022
Faculty of Creative Technology and Heritage
University Malaysia Kelantan

27/2/2022

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi atas limpah rahmat dan kurnia-Nya ke atas nikmat masa, nyawa dan tenaga yang diberikan, dapatlah saya menyelesaikan projek penyelidikan yang dijalankan oleh saya dengan jayanya. Bukan itu sahaja, projek penyelidikan ini juga merupakan salah satu syarat wajib yang perlu disiapkan untuk pelajar di Universiti Malaysia memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian warisan dengan Kepujian, Universiti Malaysia Kelantan sesi 2022.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia projek penyelidikan yang telah banyak membantu dan memberikan dorongan kepada saya sepanjang menyelesaikan kajian ini. Segala usaha keras dan penat lelah beliau dalam membantu saya amatlah saya hargai dan semoga Allah s.w.t yang merahmati dan membalas budi baik beliau terhadap saya.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya kepada datuk saya iaitu Encik Ab Majid Bin Mahat, ibu saya Nor Haslina Binti Ab Majid dan ahli keluarga yang memberikan sokongan dari segi mental dan fizikal. Tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung serta memberikan idea yang bernas semasa menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Di samping itu, saya turut mengucapkan ribuan terima kasih kepada para informan yang sudi meluangkan masa mereka untuk memberikan maklumat yang saya perlukan bagi projek penyelidikan ini. Semua jaya anda tidak mampu saya balas dan semoga Allah memudahkan segala urusan kalian dalam setiap langkah yang ditempa.

Akhir bicara, saya dengan rendah hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung semasa saya menyiapkan kajian ini. Semoga setiap langkah kita sentiasa diberkati oleh Allah.s.w.t.

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|--------------------------------------|-------------|
| PERAKUAN | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ISI KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | vi |
| SENARAI RAJAH | vi |
| ABSTRAK | vii |
| ABSTRACT | viii |
| | |
| BAB 1 PENGENALAN | |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| 1.5 Skop Kajian | 8 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.7 Penutup | 10 |
| | |
| BAB 2 KAJIAN LITERATUR | |
| 2.0 Pengenalan | 11 |
| 2.1 Maksud Muzium | 11 |
| 2.2 Perkembangan Muzium di Malaysia | 12 |
| 2.3 Penubuhan Muzium di Malaysia | 12 |
| 2.4 Muzium Komuniti | 14 |
| 2.5 Maksud Pelancong dan Pelancongan | 14 |
| 2.6 Kerangka Teori | 15 |
| 2.7 Penutup | 15 |
| | |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.0 Pengenalan | 16 |
| 3.1 Rekabentuk Kajian | 16 |
| 3.2 Kaedah Kajian | 16 |

| | |
|--|----|
| 3.2.1 Kaedah Kualitatif | 16 |
| 3.2.2 Kaedah Kuantitatif | 17 |
| 3.3 Teknik Pengumpulan Data | 17 |
| 3.3.1 Data Primer | 17 |
| 3.3.2 Data Sekunder | 19 |
| 3.4 Persampelan | 20 |
| 3.5 Teknik Pengumpulan Data | 21 |
| 3.6 Analisis Data | 22 |
| 3.7 Penutup | 24 |
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | |
| 4.0 Pengenalan | 25 |
| 4.1 Data Demografi Responden | 25 |
| 4.2 Data Kepekaan Responden | 29 |
| 4.3 Ciri-ciri Tarikan di Muzium Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti. | 34 |
| 4.4 Faktor yang Menyebabkan Pelancong Datang ke Muzium Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti. | 39 |
| 4.5 Peranan Muzium Komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa. | 42 |
| 4.5.1 Kewujudan muzium komuniti dapat menyumbang kepada perpaduan sesebuah bangsa. | 42 |
| 4.5.2 Identiti | 43 |
| 4.5.2.1 Pembentukan muzium komuniti ini dapat mengekalkan identiti sesebuah bangsa daripada pupus. | 43 |
| 4.5.2.2 Muzium komuniti ini mengandungi maklumat yang secukupnya tentang sesebuah bangsa. | 44 |
| 4.5.2.3 Muzium komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa. | 45 |
| 4.5.2.4 Usaha komuniti bagi mengekalkan identiti | 46 |

| | |
|--|----|
| mereka. | |
| 4.5.3 Muzium komuniti ini menjadi salah satu punca yang menjadikan Melaka diiktiraf sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh Unesco. | 49 |
| 4.5.4 Kewujudan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil daripada perkahwinan antara dua jenis bangsa. | 50 |
| 4.5.5 Aktiviti di muzium komuniti yang menarik minat pelancong untuk melawat dan mengenali tentang bangsa mereka. | |
| BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN | |
| 5.0 Pengenalan | 51 |
| 5.1 Cadangan | 53 |
| 5.1.1 Pihak Muzium Komuniti | 53 |
| 5.1.2 Kerajaan Negeri Melaka | 54 |
| 5.2 Kesimpulan | 54 |
| RUJUKAN | 55 |
| LAMPIRAN | 59 |

SENARAI JADUAL

| NO. | | HALAMAN |
|------------|---|----------------|
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 26 |
| 4.2 | Taburan Responden Mengikut Umur | 26 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 27 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Status | 28 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Pekerjaan | 28 |
| 4.6 | Kepekaan Pengunjung Terhadap Fungsi Muzium | 29 |
| 4.7 | Kepekaan Pengunjung Terhadap Pengurusan Muzium | 31 |
| 4.8 | Kepekaan Pengunjung Terhadap Sejarah Muzium | 32 |
| 4.9 | Ciri-Ciri Tarikah Muzium Komuniti Terhadap Warisan Budaya Ketara | 34 |
| 5.0 | Ciri-Ciri Tarikah Muzium Komuniti Terhadap Warisan Budaya Ketara | 36 |
| 5.1 | Faktor yang menyebabkan pengunjung datang ke Muzium Komuniti | 39 |

SENARAI RAJAH

| NO. | | HALAMAN |
|------------|---|----------------|
| 1.5 | Peta 1.1 Muzium Warisan Portugis | 7 |
| | Peta 1.2 Muzium Chitti | 8 |
| | Peta 1.3 Muzium Sejarah Baba dan Nyonya | 9 |
| 3.6 | Rajah 1: Proses Analisis Data | 23 |

PERANAN MUZIUM KOMUNITI DALAM PENGEKALAN IDENTITI DI MELAKA, TAPAK WARISAN DUNIA MALAYSIA

ABSTRAK

Peranan muzium komuniti dalam pengekalan identiti di Melaka, tapak warisan dunia, Malaysia adalah sebuah kajian yang mengkaji peranan tiga buah Muzium Komuniti. Muzium komuniti yang dikaji adalah Muzium Portugis, Muzium Chitti serta Muzium Baba dan Nyonya. Kajian yang dijalankan mendapati pengurusan yang dijalankan oleh Muzium Komuniti dalam menguruskan muzium komuniti bagi mengekalkan identiti mereka dalam masyarakat masih berada di tahap yang tidak memuaskan. Hal ini berlaku akibat daripada beberapa masalah yang berlaku di Muzium Komuniti yang melibatkan pengurusan seperti sistem komunikasi, pengurusan operasi yang tidak teratur serta caj bayaran kemasukkan yang dikenakan agak mahal. Objektif kajian didalam kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu mengenalpasti ciri-ciri Muzium Komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka, mengenalpasti faktor yang menyebabkan para pelancong datang melawat ke muzium komuniti di Bandaraya Melaka dan menganalisis peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kes kajian iaitu memfokuskan kepada ciri-ciri yang ingin dikaji sahaja. Justeru, kajian ini telah menggunakan kaedah kajian campuran iaitu kuantitatif untuk tinjauan berkaitan dengan kepekaan pengunjung, ciri-ciri serta faktor kedatangan pengunjung ke Muzium Komuniti dan kaedah kualitatif iaitu temubual. Dapatan kajian yang didapati menunjukkan bahawa pengunjung yang pernah mengunjungi Muzium Komuniti sedar akan ciri-ciri serta peranan yang dibawa oleh muzium komuniti. Beberapa cadangan turut diutarakan bagi memastikan Muzium Komuniti diberikan perhatian oleh kerajaan negeri dan badan-badan tertentu agar kekurangan yang terdapat di Muzium Komuniti ini dapat diatasi.

**THE ROLE OF COMMUNITY MUSEUMS IN THE IDENTITY
PRESERVATION IN MALACCA WORLD HERITAGE SITE, MALAYSIA.**

ABSTRACT

The role of community museums in maintaining identity in Malacca, a world heritage site, Malaysia focused on a study on the role of community museums in preserving and maintaining the community identities. The community museums studied were the Portuguese Museum, the Chitti Museum as well as the Baba and Nyonya Museum. The study found the management carried out by the Community Museum in managing the community museum to maintain their identity is still at an unsatisfactory level. This is due to several problems that occur in the Community Museum such as communication systems, irregular operations management as well as admission fees that are quite expensive. The objective of this study is divided into three, namely, to identify the characteristics of Community Museums in Malacca City, identify factors that cause tourists to visit community museums in Melaka City, and analyse the role of community museums in Malacca City. Thus, this study has used a mixed research method that is quantitative for a survey and qualitative methods that is interview. The findings of the study show that visitors who have visited the Community Museum are aware of the characteristics and role played by community museums. Several suggestions were also made to ensure that the Community Museum is given attention by the state government and certain bodies so that the problems in the Community Museum can be resolved.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Melaka merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Semenanjung Malaysia yang berada di Pantai Barat Daya dan bertentangan dengan Sumatera, Indonesia. Bukan itu sahaja, Melaka juga merupakan salah sebuah negeri terkecil di Malaysia dengan memiliki keluasan sekitar 1,650 persegi (Hang Tuah Jaya, 2015). Negeri yang bersempadan dengan Melaka ialah Negeri Sembilan yang berada di Utara, Melaka dan Negeri Johor yang berada di sebelah Timur, Melaka. Selain itu, negeri Melaka juga memiliki peratus kaum Melayu yang paling tinggi berbanding negeri-negeri di Malaysia yang lain iaitu sebanyak 67%. Bandar Bersejarah atau Negeri Hang Tuah juga adalah nama samaran yang digunakan untuk Negeri Melaka. Melaka di gelar sebagai Bandar Bersejarah disebabkan Melaka mempunyai pelbagai jenis tarikan seperti tempat pelancongan sehingga diiktiraf oleh UNESCO.

United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization atau UNESCO merupakan satu badan yang ditubuhkan pada tahun 1945. Penubuhan UNESCO adalah sebagai tempat untuk membincangkan tentang sesuatu tamadun, budaya atau masyarakat atas dasar menghormati dan menghargai nilai yang ada. Di Malaysia, terdapat empat tapak warisan yang telah diiktiraf oleh UNESCO seperti Taman Negara Kinabalu dan Taman Negara Mulu di bawah kategori warisan semula jadi (Rozaini, 2013). Alam semula jadi atau budaya asli seperti habitat, populasi di mana tumbuh-tumbuhan, haiwan yang sukar ditemukan dan terancam masih wujud, tapak arkeologidan seni bina dilindungi oleh Tapak Warisan Dunia kerana dianggap sebagai warisan yang berkualiti di dunia (Fennel, 2008). Manakala Melaka dan Pulau Pinang masing-masing Diiktiraf oleh UNESCO dibawah kategori Tapak Warisan Budaya.

Pada 7 Julai, UNESCO (2008) telah mengiktiraf Melaka dan George Town sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia di bawah kategori Tapak Warisan Budaya melalui tiga kriteria iaitu kriteria II, III dan IV. Di dalam kriteria II, Melaka dikatakan mempunyai sejarah warisan sebagai pusat pelabuhan yang melibatkan Timur dan Asia

Tenggara. Bukan itu sahaja, melalui pelabuhan tersebut berlakunya pertukaran budaya antara masyarakat melayu, india dan cina yang berdagang ke Melaka pada ketika itu. Bukan itu saja, penjajahan yang dilakukan ke atas Melaka oleh pihak Portugis, Belanda dan Inggeris telah menyumbang kepada pemilihan dalam kriteria II. Hal ini juga telah menyumbang kepada perubahan senibina dan rekabentuk bandar di Melaka. Melaka telah terpilih dalam kriteria III kerana Melaka merupakan bandar contoh yang memiliki warisan budaya, budaya Asia dan pengaruh dari Eropah. Warisan- warisan tersebut boleh dilihat melalui penempatan kaum, bahasa, agama, pakaian, makanan dan cara hidup masyarakat. Dalam kriteria IV, Melaka memiliki pengaruh dari pelbagai kaum sehingga terhasilnya senibina, budaya dan bandar yang unik dan tidak dimiliki oleh bandar-bandar yang ada di Timur dan Asia. Hasil daripada pengiktirafan itu telah menjadikan Melaka sebagai buah pusat pelancongan di dunia.

Pelancongan adalah salah satu daya penarik bagi mempromosikan sektor pelancongan di sesebuah negara. Pelancongan bukan sahaja dilihat melalui aspek keindahan sesebuah tempat, alam semula jadi malah pelancongan juga boleh dikaitkan dengan warisan. Bergerak dari satu destinasi ke destinasi lain iaitu kawasan luar daripada tempat tinggal bersifat hanya bersifat seketika dengan niat untuk meneroka keindahan alam, mengambil angin, menenangkan fikiran dan melakukan aktiviti yang disukai adalah takrifan bagi pelancongan (Mathieson & Wall, 1982). (Clarence & Robert, 1992) dalam World Book Dictionary mengatakan bahawa mengembara adalah tujuan seseorang pelancong untuk mendapatkan keseronokan. Rafferty (1993) mengatakan bahawa pelancong adalah individu yang pergi ke suatu destinasi yang jauh dan diluar kawasan tempat kerja mereka serta mempunyai banyak masa terluang dan mempunyai kemampuan dalam sektor kewangan. Menurut Mason (2003), aktiviti pelancongan adalah satu situasi yang menggalakkan seseorang individu untuk keluar dari kepompong kehidupan asal mereka untuk memenuhi keinginan mereka dan memberikan kebaikan kepada sektor industri tertentu dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran fizikal.

Melaka mula menjadi tumpuan pelancongan dari serata dunia tidak kira pelancong dari dalam atau luar negara. Pengiktirafan itu juga menyebabkan Melaka memiliki kepelbagaian produk pelancongan serta kemudahan yang selesa. Bukan itu sahaja, Melaka juga mampu memberikan contoh kepada negeri lain terutamanya

kawasan pelancongan, pelancong dan masyarakat dalam segi pendidikan, budaya dan tingkah laku. Pendidikan yang dimaksudkan adalah dari aspek menghargai, menghormati dan melindungi warisan budaya dan semula jadi yang ada di sesebuah tempat. Kesedaran masyarakat dalam pemeliharaan warisan amat penting dalam menjaga nilai sesebuah warisan dan sekaligus memberi peluang kepada generasi akan datang untuk menikmati warisan tersebut. Bukan itu sahaja, sumber pendapatan sesebuah negara kebanyakannya disumbangkan oleh Tapak Warisan Dunia kerana ianya telah menarik kedatangan para pelancong ke negara berkenaan. Di Melaka terdapat kira-kira 1075 buah bangunan warisan yang berada di kawasan utama dan 1975 buah bangunan di kawasan penampian. Bangunan-bangunan tersebut terdiri daripada rumah kedai, bangunan pentadbiran dan keagamaan serta perkampungan Melayu. Selain itu, terdapat juga kepelbagaian masyarakat seperti masyarakat Baba dan Nyonya, masyarakat Chitti, masyarakat Portugis dan Chingay (Geografia Online & Malaysian, n.d.). Semua masyarakat ini digelar sebagai masyarakat komuniti di Melaka.

Komuniti bermaksud satu organisasi sosial yang berskala kecil dan besar tetapi mempunyai amalan yang sama seperti agama dan identiti (Magdelina, 2018). Bagi menjaga identiti mereka dari terus hilang, masyarakat komuniti ini telah menubuhkan muzium komuniti bagi memperkenalkan masyarakat mereka kepada dunia luar. Muzium komuniti adalah muzium yang berfungsi sebagai pameran dan tempat untuk mengumpulkan sejarah milik kumpulan identiti tertentu atau kawasan geografi. Berbeza dengan muzium tradisional, muzium komuniti biasanya memiliki sifat multidisiplin dan secara serentak dapat memperlihatkan sejarah, sejarah sosial, seni, atau cerita rakyat sesebuah masyarakat. Mereka menekankan kolaborasi dan relevan dengan pengunjung dan pihak berkepentingan lain. Muzium komuniti amat penting dalam sesebuah kaum atau bangsa kerana dengan adanya muzium komuniti mereka dapat mengembangkan atau menyebarkan kepada masyarakat lain tentang sejarah masyarakat mereka. Dari situ, mereka mampu memberikan pendidikan kepada orang lain tentang bangsa mereka sehingga sejarah mereka boleh diingati oleh masyarakat lain. Hal ini membuatkan mereka mampu mempertahankan identiti bangsa mereka daripada pupus. Jelaslah disini bahawa muzium dan pelancongan amat berkait rapat kerana kedua-duanya duduk dibawah satu sektor di Malaysia.

1.1 Latarbelakang Kajian

Kajian ini membincangkan tentang peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka. Terdapat tiga jenis muzium komuniti yang difokuskan di dalam kajian ini iaitu muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya. Muzium Komuniti ini wujud adalah untuk kepentingan sesebuah komuniti itu sendiri dimana jika mereka berjaya bermakna mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Menurut Abungu George (2000), muzium adalah tempat untuk menjaga warisan budaya, adat dan ilmu dari sesebuah komuniti. Jadi, untuk mengelakkan sesebuah komuniti itu pupus, mereka haruslah mempertahankan identiti mereka dengan menubuhkan muzium komuniti dan mempamerkan tentang kehidupan mereka kepada masyarakat luar supaya masyarakat luar juga sedar tentang kewujudan mereka. Walaupun muzium komuniti ini dianggap sebagai sebuah institusi yang ditubuhkan untuk melindungi sesebuah budaya atau nilai-nilai tradisional, mereka haruslah mencari jalan dengan mencari medium yang sesuai untuk menyampaikan maksud muzium komuniti itu kepada masyarakat (Halpin, 2007) , (Davis, 1999) dan (Witcomb, 2003).

Masyarakat Portugis merupakan sebuah masyarakat yang telah wujud di Malaysia semasa pemerintahan British di Tanah Melayu. Pada ketika itu, kebanyakan masyarakat Portugis ini telah bekerja sebagai nelayan sehingga pihak British telah memberikan beberapa hektar tanah kepada mereka di Melaka. Pasir Ujong Melaka merupakan petempatan masyarakat Portugis yang telah diberikan oleh British kepada komuniti tersebut. Mengikut Enakmen Pemeliharaan dan Pemuliharaan yang diwartakan oleh Negeri Melaka, dianggarkan sekitar 110 buah rumah yang terdapat di petempatan itu. Petempatan Portugis ini juga merupakan Muzium Portugis yang telah dibina oleh komuniti untuk memperkenalkan identiti mereka kepada masyarakat luar. Portugis Masyarakat Portugis di Melaka terhasil daripada perkahwinan campur yang berlaku di antara masyarakat Portugis dan masyarakat tempatan sehingga melahirkan etnik kacukan yang dikenali sebagai Kristang. Masyarakat ini menganut kepercayaan Katolik dan bercakap menggunakan bahasa Kristang (Kebudayaan, 2021).

Muzium Chitti dibina pada tahun 2003 dengan menggunakan dana yang disumbangkan oleh masyarakat setempat dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM). Muzium Chitti ini juga diuruskan oleh komuniti itu sendiri dengan mengumpulkan beberapa barangan dan mendokumentasikannya mengikut kesesuaian bagi dipamerkan kepada masyarakat luar. Hal ini dilakukan adalah untuk memelihara warisan budaya mereka daripada pupus. Bagi memasuki muzium ini, pengunjung juga akan dikenakan bayaran yang sesuai (Aziz, 2007). Bayaran tersebut dikenakan adalah untuk menampung keperluan dan penambahbaikan terhadap muzium tersebut.

Muzium Baba dan Nyonya berada di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Bandar Melaka. Jalan ini juga dikenali sebagai “Barisan Milik Jutawan” kerana individu yang membina muzium ini memiliki banyak rumah-rumah yang mewah (Tengku Halbert, 2017). Muzium ini ditubuhkan oleh Chan Kim Lay pada tahun 1986. Muzium ini mempamerkan sejarah tempatan etnik campuran cina dan melayu yang digelar baba-nyonya atau peranakan di Melaka. Bukan itu sahaja, muzium Sejarah Baba dan Nyonya ini turut terkenal dengan hasil kerja kaju, perabot, tembikar dan cara berpakaian sehingga menimbulkan ciri-ciri uni dalam tradisi campuran antara masyarakat melayu dan cina.

1.2 Permasalahan Kajian

Menurut Dr. Baharuddin Mohd Arus iaitu Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah, berdasarkan keratan akhbar Utusan Borneo yang bertajuk “Muzium Bukan Makam Warisan Bangsa”, isu-isu yang timbul dalam institusi muzium seperti kedatangan teknologi menyebabkan persepsi terhadap muzium merosot, muzium dan galeri ‘tewas’ dengan taman tema, ‘*mentality attic*’ yang beranggapan muzium sebagai tempat penyimpanan barang lama dan pegawai yang tidak berfungsi sebagai mendukung institusi muzium adalah permasalahan dalam usaha menarik minat pelancong dalam pelancongan warisan ke atas muzium-muzium (Arus, 2017).

Menurut *International Council Museums (ICOM)* atau dikenali sebagai Majlis Muzium Antarabangsa, muzium adalah sebuah institusi yang dibuka kepada orang

ramai untuk memberikan pendidikan, pembelajaran dan sebagai tempat hiburan. Muzium juga adalah objek yang bersifat tetap dan dibuka bukan untuk mendapatkan keuntungan. Muzium memiliki khazanah-khazanah bernilai seperti bukti tinggalan manusia. Muzium juga merupakan institusi untuk memelihara sesebuah warisan dan tinggalan sejarah (ICOM, 2007).

Dalam permasalahan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa muzium komuniti kurang menarik berbanding dengan muzium awam. Hal ini dikatakan demikian kerana, kekurangan dana yang dialami oleh muzium komuniti menyebabkan komuniti tidak boleh menambahbaik infrastruktur mereka. Mereka terpaksa mengumpul dana daripada masyarakat dan mengenakan sedikit bayaran kepada pengunjung yang mengunjungi muzium komuniti mereka. Hal ini berlaku disebabkan muzium komuniti ini diasaskan sendiri oleh sesebuah komuniti untuk mempromosikan identiti masyarakat mereka kepada dunia luar kerana kerajaan tidak mengambil sebarang inisiatif untuk membinanya (Liu, 2017). Oleh itu, pihak kerajaan tidak mencampuri tentang pengurusan dan masalah yang dihadapi oleh muzium komuniti.

Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa muzium komuniti ini mempunyai masalah kekurangan dana kerana tiada campurtangan dari badan-badan tertentu seperti badan kerajaan. Hal ini kerana muzium komuniti ini diasaskan sendiri oleh sesebuah komuniti untuk mempromosikan identiti masyarakat mereka kepada dunia luar kerana kerajaan tidak mengambil sebarang inisiatif untuk membinanya (Liu, 2017). Oleh itu, pihak kerajaan kurang mengambil berat tentang pengurusan muzium komuniti tersebut kerana mereka adalah institusi muzium yang tidak didaftarkan dibawah pengurusan kerajaan.

1.3 Persoalan Kajian


1. Apakah ciri-ciri tarikan muzium komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka?
2. Apakah faktor yang menyebabkan para pelancong berkeinginan untuk melawat muzium komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka?
3. Bagaimanakah peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dalam pembentukan identiti sesebuah bangsa.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengenalpasti ciri-ciri muzium komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka.
2. Mengenalpasti faktor yang menyebabkan para pelancong datang melawat ke muzium komuniti di Bandaraya Melaka?
3. Menganalisis peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa.

1.5 Skop Kajian

Di dalam skop kajian ini, pengkaji memfokuskan lokasi kajian di Bandaraya Melaka iaitu di Daerah Melaka Tengah. Pengkaji telah memilih untuk mengkaji tiga buah muzium komuniti iaitu Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya. Bukan itu sahaja, pengkaji juga telah memilih beberapa individu melibatkan para pelancong yang mengunjungi muzium komuniti berkenaan untuk mendapatkan data yang diperlukan. Di bawah menunjukkan gambar peta lokasi dan sedikit maklumat mengenai Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya.



Peta 1.1 : Muzium Warisan Portugis
 Sumber: Portuguese Settlement, 2011

Portuguese Settlement ini terletak berhampiran pantai dan sekurang-kurangnya 5 kilometer dari pusat bandar Melaka (Dondang Sayang, 2011). Portugis dikatakan telah menakluki Melaka pada tahun 1511 sehingga menyebabkan wujudnya masyarakat Portugis di Melaka. Bukan itu sahaja, purata penduduk di Perkampungan

Portugis ini juga mencecah 2000 orang dan kebanyakan daripada mereka menganut agama kristian kecuali mereka yang telah berkahwin campur. Masyarakat Portugis ini juga memiliki tapak rumah sendiri sehingga kerajaan negeri Melaka sendiri telah mengeluarkan geran tapak untuk masyarakat Portugis di situ.



Peta 1.2 : Muzium Chetti

Sumber: Muzium Chetti, 2021

Muzium Chitti ini terletak di Jalan Gajah Berang iaitu di tengah Bandar Melaka. Muzium ini mempunyai keunikan tersendiri kerana mempunyai maklumat tentang masyarakat Chitti atau juga dikenali sebagai Peranakan Hindu di Melaka. Muzium Chitti ini mempamerkan informasi berkenaan dengan masyarakat Chitti. Bukan itu sahaja, Muzium Chetti ini turut menempatkan koleksi artifak dan cara hidup masyarakat Chitti seperti amalan seharian, tempat beribadat, pakaian yang digunakan, makanan, budaya dan pengurusan keagamaan mereka (Nur Zamzamah, 2015).

Penyelidik juga akan menemu bual komuniti Chiti, Portugis dan Baba dan Nyonya yang berada di sekitar Bandaraya Melaka di muzium komuniti Bandaraya Melaka untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Kawasan kajian penyelidik hanya tertumpu kepada tiga buah muzium komuniti di sekitar Bandaraya Melaka, iaitu Muzium Chitti, Muzium Portugis dan Muzium Sejarah Baba dan Nyonya dan membahagikan kawasan tersebut kepada beberapa daerah di Melaka seperti daerah Melaka Tengah.



Peta 1.3 : Muzium Sejarah Baba dan Nyonya
 Sumber: Muzium Warisan Baba dan Nyonya, 2021

Muzium Baba dan Nyonya ini terletak di Jalan Tun Tan Cheng Lock, Bandar Melaka. Jalan ini juga dikenali sebagai “Barisan Milik Jutawan” kerana individu yang membina muzium ini memiliki banyak rumah-rumah yang mewah (Tengku Halbert, 2017). Muzium ini ditubuhkan oleh Chan Kim Lay pada tahun 1986. Muzium ini mempamerkan sejarah tempatan etnik campuran cina dan melayu yang digelar baba-nyonya atau peranakan di Melaka. Bukan itu sahaja, muzium Sejarah Baba dan Nyonya ini turut terkenal dengan hasil kerja kaju, perabot dan tembikar.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting untuk pengkaji bagi memastikan pengkaji mendapatkan data yang tepat dalam kajian yang dilakukan. Kajian ini juga dapat membantu pengkaji menambahkan ilmu pengetahuan pengkaji sendiri di samping mengeluarkan maklumat tentang muzium komuniti untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan muzium komuniti. Bukan itu sahaja, kajian ini juga penting kepada bidang pengkaji kerana kajian ini dapat memberi manfaat kepada individu lain yang menceburi bidang pengkaji dan penyelidik lain yang ingin membuat sesuatu rujukan berkaitan kajian yang serupa. Kepentingan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti, menganalisis dan mengkaji tentang isu yang diperlukan dalam kajian

atau penyelidikan. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada komuniti itu sendiri kerana mereka boleh membaca dan menerima maklumat yang mereka tidak pernah tahu tentang muzium komuniti yang wujud di Melaka. Seterusnya, kajian ini boleh memberi manfaat kepada pengkaji lain dimana mereka boleh mengambil kajian ini sebagai kajian selepas jika mereka ini membuat penulisan yang sama.

1.7 Penutup

Kesimpulannya, kajian ini menerangkan peranan muzium komuniti di Melaka terhadap komuniti itu sendiri dan kepada masyarakat luar. Selain itu, beberapa objektif kajian juga telah di sediakan oleh pengkaji untuk menjawab persoalan yang mungkin menjadi tanda tanya kepada masyarakat luar tentang muzium komuniti.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian adalah bahan yang terhasil daripada penyelidikan terdahulu yang menjadi rujukan buat penyelidik yang ingin menjalankan sesebuah penyelidikan baharu. Antara jenis sorotan kajian tersebut ialah bahan bertulis ilmiah, jurnal, artikel dan kertas seminar. Sorotan Kajian adalah sebuah bahan yang membincangkan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu berkaitan dengan persepsi masyarakat terhadap pelancongan muzium warisan. Bukan itu sahaja, untuk memantapkan lagi kefahaman penyelidik tentang fungsi sesebuah muzium, penyelidik akan melakukan pembacaan ilmiah dan jurnal bagi menganalisis setiap kajian yang telah dilakukan para penyelidik yang terdahulu. Selain itu, penyelidik juga akan merujuk kajian-kajian terdahulu mengenai tanggapan pengunjung terhadap muzium komuniti di Bandaraya Melaka.

2.1 Maksud Muzium

Menurut *International Council Museums (ICOM)* atau dikenali sebagai Majlis Muzium Antarabangsa, muzium adalah sebuah institusi yang dibuka kepada orang ramai untuk memberikan pendidikan, pembelajaran dan sebagai tempat hiburan. Muzium juga adalah objek yang bersifat tetap dan dibuka bukan untuk mendapatkan keuntungan. Muzium memiliki khazanah-khazanah bernilai seperti bukti tinggalan manusia. Muzium juga merupakan institusi untuk memelihara sesebuah warisan dan tinggalan sejarah (ICOM, 2007). Bukan itu sahaja, Muzium juga dianggap sebagai sebuah institusi yang bertanggungjawab dalam menjaga khazanah yang dianggap bernilai dan tidak boleh ditukar ganti. Muzium juga dianggap sebagai salah satu pendidikan tidak rasmi yang boleh di rujuk oleh masyarakat kerana sumber dan khazanah yang terdapat di muzium dapat memberi kefahaman kepada masyarakat dalam bidang sejarah, sains, seni dan alam semula jadi.

2.2 Perkembangan Muzium Di Malaysia

Pada abad ke dua puluh, muzium telah dipandang sebagai sekolah bergambar oleh penduduk di Tanah Melayu. Pada ketika itu, di Tanah Melayu tidak memiliki muzium. Muzium mula dibina apabila pihak Inggeris menyedari bahawa muzium boleh dijadikan alat untuk memahami adat dan budaya penduduk di Tanah Melayu. Oleh itu, pada tahun 1883, muzium pertama telah di bina iaitu Muzium Perak yang berada di Taiping dan disitulah bermulanya penubuhan institusi permuziuman di Malaysia. Sir Hugh Low merupakan seorang Residen British Perak telah mencetuskan idea penubuhan Muzium Perak tersebut dengan mengarahkan seorang pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran di Bukit Larut iaitu Leonard Wray Junior untuk mengumpulkan segala data berkaitan zoologi, sejarah, geologi, sosio-ekonomi dan etnologi (Jones, 2008). Bagi memudahkan Inggeris mentadbir Tanah Melayu, mereka menganggap mengetahui tentang cara hidup masyarakat di Tanah Melayu amatlah penting. Bukan itu sahaja, pada ketika itu pihak Inggeris juga telah menjadikan muzium sebagai tempat rekreasi pertemuan sosial antara mereka. Hal ini juga adalah salah satu propaganda yang dilakukan oleh mereka untuk mengaburi mata penduduk Tanah Melayu.

Terdapat juga beberapa muzium lain yang telah dibina seperti Muzium Sarawak yang bertapak di Kuching dan Muzium Selangor. Namun, muzium berkenaan musnah akibat di bom pada 10 Mac 1945 semasa peperangan berlaku. Selepas Tanah Melayu Merdeka, Muzium Negara pula dibina di bekas takap Muzium Selangor dan dirasmikan pada 31 Ogos 1963. Rentetan itu, banyak muzium yang telah dibina di Malaysia sehingga ke kini. Penubuhan sesebuah muzium haruslah mempunyai objektif yang jelas serta berpandukan objek atau sumber sejarah yang mempunyai nilai yang tinggi yang akan diletakkan di muzium berkenaan. Menurut Jabatan Muzium Negara, Malaysia mempunyai kira-kira 189 buah muzium yang berada di bawah pengawasan pelbagai agensi seperti agensi swasta, kerajaan dan institusi pendidikan (Bahagian Komunikasi Korporat | Jabatan Muzium Malaysia, 2016).

2.3 Penubuhan Muzium di Melaka

Penubuhan muzium di Melaka bermula apabila Sir Gerald Templer dan Lady Temple yang merupakan isteri kepada beliau telah datang ke Melaka pada Tahun 1952. Pada ketika itu, Sir Gerald Templer telah melawat di beberapa buah bangunan

disekitar Ford Road yang berada di Jalan Kota. Sir Gerald Templer telah tertarik dengan sebuah bangunan yang mempunyai reka bentuk Belanda kerana beliau berminat untuk menjadikan bangunan tersebut sebagai tempat meletakkan bahan-bahan propaganda British serta pusat pameran poster bagi membanteras ideologi komunis pada ketika itu. Bukan itu sahaja, selaku Persuruhjaya British pada ketika itu, hal tersebut juga merupakan salah satu taktik perang saraf yang dilakukan oleh Sir Gerald Templer untuk menyekat kemaraan komunis sekaligus menamatkan darurat (Mohd Shazwan Mokhtar & Shukry Abdullah, 2017).

Pembinaan muzium pada ketika itu amatlah diberi perhatian untuk menamatkan darurat. Pada tahun 1953, Sir Gerald Templer ada menyatakan di dalam ucapannya di hadapan Raja-Raja Melayu semasa majlis pelancaran Muzium Negara Sementara yang bertapak di Kuala Lumpur “*A nation without an appreciation of its cultural heritage is a nation without soul.*” (*The Straits Times*, 1953). Sir Gerald Templer menekankan tentang kepentingan pelestarian sesebuah warisan kerana ianya dapat membantu dalam membina bangsa Malaya melalui asimilasi dan kemunculan budaya di Malaya. Di samping itu, penubuhan muzium ini adalah untuk mengelakkan kepupusan bahan-bahan sejarah tempatan yang selalu ditinggalkan dan sering dibawa keluar dari negara ini pada setiap tahun. Justeru itu, Sir Gerald Templer juga mencadangkan agar beberapa muzium dapat ditubuhkan seperti Muzium Negeri dan Negeri-negeri Selat seperti Melaka, Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan.

Hasil daripada cadangan tersebut, ketua-ketua di setiap negeri telah diberikan arahan untuk melaksanakan pandangan daripada Sir Gerald Templer. Sejumlah pegawai-pegawai British juga telah diarahkan oleh G.E.C Wisdom iaitu *Resident Commissioner Melaka* untuk mengumpulkan beberapa jenis bahan seperti gambar dan risalah darurat bagi penubuhan muzium di Melaka. Pada Mac 1954, G.E.C Wisdom yang merupakan Pesuruhjaya Resident telah mengisytiharkan Rumah Belanda yang berada di sekitar Fort Road di Jalan Kota sebagai Muzium Melaka. Hal itu menjadi /punca perkembangan institusi muzium di Negeri Melaka. Semasa diawal penubuhannya, Muzium Melaka mempamerkan beberapa koleksi kepunyaan Sir Gerald Templer yang berkaitan kebudayaan dan perkembangan penduduk di Melaka. Antara sebab lain penubuhan Muzium Melaka adalah untuk mengubah pandangan

masyarakat tentang Rumah Belanda kerana sebelum ini mereka menganggap Rumah Belanda sebagai “*the house haunted by the ghost of a nun*” (*The Straits Times*, 1954).

2.4 Muzium Komuniti

Muzium komuniti adalah satu institusi yang ditubuhkan oleh sesebuah kaum untuk memperkenalkan identiti mereka kepada dunia luar. Komuniti bermaksud satu organisasi sosial yang berskala kecil dan besar tetapi mempunyai amalan yang sama seperti agama dan identiti (Magdelina, 2018). Muzium komuniti mempunyai fungsi yang sangat berbeza dengan muzium tradisional. Muzium komuniti adalah muzium yang dibina untuk menjadi cerminan kepada sesebuah komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana di dalam sesebuah muzium komuniti, kita akan dapat melihat cara hidup, alatan yang digunakan dalam kehidupan seharian, pakaian, makanan tradisi, budaya, dan sejarah komuniti yang menggambarkan identiti mereka. Selain itu, muzium komuniti juga ditubuhkan untuk memastikan sejarah sesebuah komuniti itu tidak luntur mengikut peredaran zaman. Jadi, pembinaan muzium komuniti itu sendiri memberikan manfaat yang besar kepada sesebuah komuniti untuk terus diketahui oleh masyarakat luar. Di Melaka terdapat empat jenis komuniti iaitu komuniti Melayu yang berada di Kampung Morten, komuniti Portugis yang berada di Pasir Ujong, Komuniti Chitti yang berada di Jalan Gajah Berang dan komuniti Baba dan Nyonya yang berada di Jalan Tun Tan Cheng Lock. Kewujudan komuniti ini membuktikan Melaka menjadi salah satu negeri yang mempunyai banyak komuniti yang terhasil sejak lama dahulu dan mampu hidup dalam suasana aman dan damai. Bukan itu sahaja, kewujudan komuniti ini juga merupakan salah satu faktor Melaka di angkat menjadi Tapak Warisan Dunia kerana komuniti ini mempunyai sejarah dan daya tarikan yang tersendiri.

2.5 Maksud Pelancong Dan Pelancongan

Pelancongan atau tourism merupakan sebuah perkataan yang diambil dari bahasa Latin yang disebut *turnare* iaitu pergerakan dalam sesebuah bulatan. Menurut Leiper N (1981), pelancongan merupakan satu sistem yang mempunyai kaitan dengan persekitaran dan beberapa elemen seperti manusia, kawasan, ekonomi yang melibatkan pelancongan serta dinamik iaitu situasi yang melibatkan pengembaraan yang dilakukan oleh seseorang individu tidak melebihi satu hari dan luar dari kawasan tempat tinggal mereka untuk berehat. Apabila terdapatnya pelancongan maka hal itu

akan semula jadinya berkait dengan pelancong. Pelancong adalah individu yang melakukan pengembaraan luar daripada kediaman mereka dalam tempoh masa tertentu tetapi tidak melebihi satu tahun dengan tujuan tertentu seperti urusan perniagaan, bercuti atau pun atas tujuan peribadi (Laimer, P., 2010). Bukan itu saja, *The International of Travel Organization* (IUOTO) dan *World Tourism Organization* (WTO) menyatakan bahawa pengunjung adalah individu yang melakukan perjalanan luar daripada negara mereka dalam jangka masa kurang dari satu tahun dan tujuan lawatan mereka adalah bukan untuk mendapatkan keuntungan atau bayaran dari negara yang mereka kunjungi. Kewujudan institusi pemuziuman telah menyumbang kepada sektor pelancongan di negara ini. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak pelancong yang hadir di sesebuah destinasi memilih untuk mengunjungi institusi pemuziuman yang ada untuk melihat sendiri keunikan dan sejarah yang tercipta disebalik muzium tersebut. Sebagai contoh, Melaka merupakan salah sebuah negeri yang memiliki banyak institusi pemuziuman tidak kira dibawah selian kerajaan ataupun komuniti, Muzium dibina berdasarkan sejarah-sejarah penting yang terjadi di Melaka seperti kewujudan muzium komuniti yang terhasil daripada kaum peranakan di Melaka iaitu Portugis, Chitti dan Baba dan Nyonya.

2.6 Kerangka Teori

Menurut Henri yang merupakan penyumbang terbesar dalam teori identiti sosial, identiti sosial adalah perasaan seseorang tentang siapa mereka berdasarkan keahlian kumpulan mereka. Bukan itu sahaja, identiti sosial juga merupakan sebuah kebanggaan dan harga diri sesebuah kumpulan kerana mereka mempunyai identiti tersendiri di dalam dunia sosial. Identiti sosial ini dapat membahagikan kelompok ini menjadi besar berdasarkan proses pengkategorian sosial dimana seseorang individu meletakkan individu lain ke dalam kumpulan sosial (McLeod, 2019).

2.7 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan tentang kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain. Pengkaji juga menggunakan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji untuk mendapat gambaran tentang kajian yang dilakukan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ketiga ini pengkaji akan membincangkan tentang kaedah-kaedah yang akan digunakan untuk melakukan penyelidikan. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan kajian kes untuk mendapatkan maklumat berkaitan objektif kajian yang telah dipilih. Seterusnya, metodologi kajian yang jelas membolehkan pengkaji mendapatkan data yang sahih dan tidak diragukan dalam sesebuah kajian yang dilakukan. Jadi, hasil kajian yang diperolehi sangat bergantung kepada metodologi yang digunapakai dalam kajian. Metodologi kajian merupakan teknik dan kaedah dalam mengumpul, menganalisis dan mereka bentuk agar dapat memperoleh hasil kajian yang kukuh bagi menyokong sesuatu kajian sehingga dapat menghasilkan kajian yang berkualiti. Hal ini dapat membantu pengkaji memperjelaskan hasil kajian dengan lebih menyeluruh (Hornby, 1985).

3.1 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kaedah atau perancangan yang digunakan oleh pengkaji untuk menyelesaikan sesebuah kajian. Menurut Sacred Heart University Library, n.d., data yang diperolehi dari hasil kajian dapat menyelesaikan masalah penyelidikan dengan berkesan. Dalam reka bentuk kajian ini, penyelidik telah memilih untuk menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah campuran yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif.

3.2 Kaedah Kajian

Penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif di dalam kajian ini. Kaedah ini dipilih oleh pengkaji kerana kaedah kualitatif dan kuantitatif ini sesuai digunakan untuk pengkaji mendapatkan data yang lengkap dan terperinci.

3.2.1 Kaedah Kualitatif

Penyelidik akan menggunakan kaedah kualitatif dalam penyelidikan ini. Menurut Lexy (2007), data yang boleh ditafsir dalam penghasilan proses penyelidikan ialah pendekatan kualitatif. Kaedah kualitatif adalah perilaku

manusia yang boleh ditafsir seperti kata-kata atau tulisan adalah kaedah kualitatif yang berbentuk deskriptif (Taylor dan Bogdan, 1984). Patton (1990), kaedah kualitatif terbahagi kepada beberapa kaedah seperti kaedah lapangan, kaedah pemerhatian, kaedah temu bual dan kaedah keperpustakaan.

3.2.2 Kaedah Kuantitatif

Penyelidik akan menggunakan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan ini. Kuantitatif bermaksud satu kaedah yang boleh dikira dan diukur hasilnya. Data yang digunakan dalam kaedah kuantitatif boleh didapati dalam bentuk angka numerik dan statistik yang melibatkan ketepatan pada data. Menurut Fraenkel, (2007) Kaedah kuantitatif adalah sebuah kaedah yang menekankan objektif dan dikawal oleh analisis serta pengumpulan data.

3.3 Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan satu kaedah yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan melakukan penelitian secara terperinci. Hal ini melibatkan sumber-sumber tertentu sehingga menyebabkan data yang diperolehi dimiliki secara langsung atau tidak langsung.

3.3.1 Data Primer

Pengkaji kan menggunakan data primer untuk mendapatkan beberapa maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Data primer merupakan satu sumber yang belum diolah dan merupakan data asli atau terus yang didapati daripada responden. Menurut Christine L.Chompston, (2002), data primer merupakan satu maklumat yang didapati secara langsung daripada sumber pertama.

a. Kaedah Pemerhatian

Penyelidik telah melakukan kaedah pemerhatian ini dengan pergi ke tempat kajian lapangan untuk melakukan pemerhatian dan mencatat segala maklumat yang diperolehi didalam buku catatan. Penyelidik telah melakukan kaedah pemerhatian secara terus atau (direct observation) dalam kajian ini iaitu penyelidik telah mengenalpasti ciri-ciri muzium komuniti. Muzium komuniti memiliki beberapa ciri-ciri seperti muzium memiliki ukuran yang

agak kecil, penjaga muzium terdiri daripada komuniti itu sendiri, muzium komuniti berada dikawasan perkampungan komuniti berkenaan dan muzium komuniti mengenakan cas bayaran kepada pengunjung. Muzium komuniti ini juga berada di tengah Bandaraya Melaka dimana para pengunjung mudah untuk melawat ke muzium berkenaan. Seterusnya pengkaji mencatat segala maklumat yang di perhatikan dan mengambil beberapa keping gambar untuk dijadikan sebagai bukti.

b. Kaedah Temu Bual

Kaedah temu bual mendalam adalah satu kaedah menemu bual yang dilakukan oleh penyelidik kepada pelancong yang datang ke muzium komuniti Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai ciri-ciri muzium komuniti yang terlibat. Penyelidik telah menemubual dua orang responden yang terdiri daripada pengunjung yang mengunjungi muzium komuniti iaitu Cik Nur Suhaily dan Cik Nur Fazlena. Penyelidik telah mendapatkan informan semasa mengadakan pemerhatian di muzium komuniti. Penyelidik juga menggunakan komunikasi dua hala dalam temubual berkenaan. Bagi mengelakkan berlakunya kecaciran data, penyelidik juga merakam segala temubual yang dijalankan bersama para pengunjung dan komuniti sendiri di muzium komuniti Bandaraya Melaka berkenaan. Pengkaji juga berhenti menemubual di informan kedua kerana pengkaji mendapati bahawa data yang diperolehi oleh pengkaji telah mencapai tahap tepu dimana ianya telah menjawab objektif kajian pengkaji iaitu peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa.

c. Soal Selidik

Penyelidik akan menggunakan borang soal selidik secara atas talian bagi mendapatkan maklumat daripada sumber pertama iaitu komuniti dan pelancong yang pernah mengunjungi tiga buah muzium komuniti berkenaan iaitu Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya. Menurut Evans & Mathur, (2005) borang soal selidik dapat memberikan keselesaan kepada responden dalam beberapa aspek. Pengkaji akan menyediakan soalan melalui *Google Form* dan menyebarkannya di beberapa

rangkaian media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *WhatsApps* untuk memberi peluang kepada pengunjung yang pernah mengunjungi tiga buah muzium berkenaan untuk menjawab soalan yang telah disediakan oleh pengkaji. Pengkaji juga akan meletakkan *Barcode* diketiga-tiga muzium berkenaan bagi memudahkan pengunjung yang mengunjungi untuk menjawab soalan yang telah disediakan. Hal ini akan memudahkan pengunjung dan pengkaji terutamanya semasa musim covid-19 yang sedang melanda di negara ini. Borang soal selidik tersebut terbahagi kepada empat bahagian yang merangkumi biodata responden, data kepekaan responden serta objektif pertama dan kedua dalam kajian iaitu ciri-ciri muzium komuniti serta faktor yang menyebabkan pelancong mengunjungi muzium komuniti. Pengkaji telah menggunakan persampelan bukan kebarangkalian (*quota sampling*) bagi memastikan data yang diterima adalah bersesuaian dengan kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji dimana pengkaji telah spesifikkan umur responden dan hanya mereka yang pernah mengunjungi muzium komuniti sahaja yang boleh menjawab borang soal selidik berkenaan. Seramai 84 orang responden menjawab borang soal selidik yang telah diedarkan. Pengkaji telah menetapkan 84 orang hasil daripada observation yang telah dilakukan oleh pengkaji selama dua minggu iaitu pengkaji mendapati bahawa hanya enam orang dalam masa satu hari yang telah mengunjungi muzium komuniti.

3.3.2 Data Sekunder

Menurut Hasan, (2002) apabila sumber yang sedia ada dikumpulkan maka data tersebut akan menjadi data sekunder. Data ini terdiri daripada bahan pustaka, kajian lepas, kaedah perpustakaan dan buku-buku yang memiliki maklumat yang serupa dengan kajian pengkaji. Dengan adanya data sekunder ini, pengkaji telah dapat membuat rujukan sampingan dalam mendapatkan maklumat penyelidikan yang dilakukan.

a. Kaedah Keperpustakaan

Pengkaji akan menggunakan kaedah keperpusatakaan bagi mendapatkan maklumat melalui bahan bacaan ilmiah atau kajian lepas mengenai muzium komuniti yang dikaji seperti buku, jurnal, artikel dan bahan bacaan ilmiah

yang lain. Bukan itu sahaja, penyelidik juga menggunakan data hasil daripada penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan muzium komuniti di Bandaraya, Melaka.

b. Kaedah Rujukan Internet

Penyelidik akan melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan muzium komuniti yang dikaji. Laman web seperti *Google Scholar*, *Google Search* dan laman web rasmi yang digunakan untuk muzium juga akan digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan kajian lepas dan maklumat yang sahih berkaitan muzium komuniti yang dikaji.

c. Surat Khabar Online

Penyelidik juga mendapatkan beberapa maklumat tentang sejarah dan berita terkini di Melaka melalui surat khabar online seperti “Melaka Kini”. Berita yang diambil daripada akhbar *online* adalah salah satu cara yang mudah yang digunakan oleh pengkaji.

d. Tesis

Pengkaji telah merujuk sejumlah penulisan tesis daripada penyelidik lepas untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Tesis yang dirujuk oleh pengkaji adalah terdiri daripada penulisan *Degree*, *Master* dan juga *Phd*. Rujukan yang dibuat melalui penulisan lepas ini telah membantu pengkaji dalam mendapatkan data yang berilmiah.

3.4 Pensampelan

Pensampelan adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi memperoleh maklumat daripada responden. Pengkaji telah menggunakan dua jenis kaedah pensampelan iaitu pensampelan bukan kebarangkalian (*snowball sampling*) dan (*quota sampling*). Pensampelan bukan kebarangkalian *quota sampling* adalah kaedah pensampelan yang mengumpulkan data perwakilan dari sesebuah kumpulan (*Research-Methodology*, 2012). Pengkaji telah memilih muzium komuniti yang terdiri daripada Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya yang merupakan muzium yang terbina hasil daripada peranan komuniti serta responden yang berumur sekitar 20 tahun dan ke atas dari pelbagai jenis negeri iaitu mereka

yang pernah melawati muzium komuniti Chitti, Portugis dan Baba dan Nyonya serta memiliki kriteria tertentu untuk menjawab soalan yang soalan yang telah disediakan. Pengkaji telah memilih untuk mengedarkan borang soal selidik ini secara talian dan berbentuk 'google form' bagi memudahkan responden yang pernah melawat muzium komuniti ini untuk mengisi data yang diperlukan oleh pengkaji. Penyelidik juga akan menyebarkan set soalan borang soal selidik dengan menggunakan pelbagai jenis medium seperti *facebook*, *Whatsapps* dan *Instagram* untuk mendapatkan data yang diperlukan.

Pensampelan bukan kebarangkalian (*snowball sampling*) merupakan persampelan yang digunakan oleh pengkaji. Teknik ini dikenali sebagai *snowball* atau bebola salji kerana teknik ini umpama bola salji yang apabila digelek ke atas salji, ianya akan menjadi semakin besar (*Snowball Sampling: Definition, Advantages and Disadvantages*, 2021). Pengkaji akan menemui bual gatekeeper sebagai informan A untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dan informan A akan menyarankan informan B, informan B akan menyarankan informan C dan begitulah seterusnya. Pengkaji akan berhenti mengumpul data apabila data yang didapati telah tepu dan cukup untuk menjawab objektif kajian yang berkaitan.

3.5 Pengumpulan Data

Pengumpulan data merupakan satu kaedah yang digunakan pengkaji untuk mendapatkan maklumat dengan melakukan penelitian secara terperinci. Hal ini melibatkan sumber-sumber tertentu sehingga menyebabkan data yang diperolehi dimiliki secara langsung atau tidak langsung. Analisis Tematik adalah salah satu cara yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat dari pelancong. Pengkaji akan menemubual para pelancong yang datang melawat ke muzium komuniti yang dipilih untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan merakam segala perbualan tersebut supaya tiada keciciran maklumat yang berlaku sepanjang temubual bersama para pelancong dilakukan. Hasil daripada temubual tersebut, pengkaji akan merumuskan data-data yang diperolehi hasil daripada temubual itu.


Pengkaji akan menggunakan dua sumber untuk mendapatkan data yang diperlukan iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer, pengkaji akan menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pemerhatian dan kaedah temubual. Penyelidik akan melakukan kaedah pemerhatian ini dengan pergi ke tempat kajian lapangan untuk melakukan pemerhatian dan mencatat segala maklumat yang diperolehi didalam buku catatan. Penyelidik akan melakukan kaedah pemerhatian secara terus atau (direct observation) dalam kajian ini iaitu penyelidik akan melihat dan mencatat segala maklumat yang diperhatikan dan seterusnya mengambil beberapa keping gambar untuk dijadikan sebagai bukti. Bagi kaedah temubual, kaedah temu bual mendalam adalah satu kaedah menemu bual yang dilakukan oleh penyelidik kepada pelancong atau komuniti yang datang ke muzium komuniti Muzium Portugis, Muzium Chitti dan Muzium Baba dan Nyonya bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut mengenai ciri-ciri muzium komuniti yang terlibat. Penyelidik juga menggunakan komunikasi dua hala dalam temubual berkenaan. Bagi mengelakkan berlakunya keciciran data, penyelidik juga merakam segala temubual yang dijalankan bersama para pelancong dan komuniti sendiri di muzium komuniti Bandaraya, Melaka berkenaan.

Seterusnya ialah sumber sekunder. Sumber sekunder adalah salah satu data yang diambil hasil daripada bahan yang sedia ada. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan dua sumber iaitu sumber perpustakaan dan sumber internet. Pengkaji akan menggunakan kaedah keperpustakaan bagi mendapatkan maklumat melalui bahan bacaan ilmiah atau kajian lepas mengenai muzium komuniti yang dikaji seperti buku, jurnal, artikel dan bahan bacaan ilmiah yang lain. Bukan itu sahaja, penyelidik juga menggunakan data hasil daripada penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan muzium komuniti di Bandaraya, Melaka. Seterusnya sumber internet. Penyelidik akan melayari internet untuk mendapatkan maklumat tambahan berkaitan muzium komuniti yang dikaji. Laman web seperti "*Google Scholar*" juga akan digunakan oleh penyelidik bagi mendapatkan kajian lepas dan maklumat yang sahih berkaitan muzium komuniti yang dikaji.

3.6 Analisis data

Bagi mendapatkan data yang mudah untuk ditafsir atau difahami, analisis data perlulah dilakukan oleh penyelidik bagi menguruskan data supaya maklumat yang

diterima lebih sistematik. Pengurusan, mensintesis data, pengkajian tentang hasil dapatan kajian dan menginterpretasikan hasil dapatan kajian adalah merupakan proses yang perlu dilakukan dalam kaedah analisis data. Menurut Krishna Rungta, (2020) Analisis data dilakukan bertujuan untuk mengambil maklumat yang berguna daripada data yan diperolehi serta membuat keputusan berdasarkan data tersebut.



Rajah 1: Proses Analisis Data (Ahmad Rijali, 2018)

Rajah 1 diatas menunjukkan proses-proses yang akan dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan data tentang kajian yang dilakukan. Transkripsi adalah kaedah pertama yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Proses ini juga dikenali sebagai proses pemindahan rakaman suara atau audio kepada bentuk teks penulisan. Apabila pengkaji menyusun ayat dengan baik semasa melakukan rakaman audio bersama responden hal ini akan membantu pengkaji dalam penulisan data di dalam laporan dengan sistematik dan berkesan. Data-data yang diperolehi semasa melakukan kajian lapangan amatlah membantu pengkaji dalam pelbagai faktor terutamanya dari segi menimba pengalaman dan ilmu.

Seterusnya, bagi memastikan data yang diperolehi bersesuaian dan maklumat disusun dengan betul, pembacaan dan penelitian semula penulisan akan dilakukan oleh pengkaji berdasarkan pengumpulan maklumat yang telah dibuat. Pembacaan semula penulisan adalah salah satu proses penting untuk pengkaji mengenal pasti kesalahan fakta, penyusunan semula ayat dan membuat penelitian data utama yang digunakan dalam penyelidikan. Bukan itu sahaja, proses pembacaan semula data dapat memastikan pengkaji memperbetulkan kesalahan yang dilakukan sekaligus dapat mencapai objektif kajian di dalam penyelidikan. Selepas proses pembacaan semula selesai, Hasil data yang diperolehi akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu tema dan sub-tema berdasarkan objektif kajian.

Akhir sekali adalah proses menyatukan data mengikut bahagian berdasarkan teknik metodologi bagi melengkapkan kajian yang dilakukan. Proses ini juga dikenali sebagai “Triangulasi”. Untuk menghasilkan kajian yang lengkap, Kaedah metodologi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat kualitatif, sumber pertama dan sumber kedua juga akan disatukan.

3.7 Penutup

Muzium komuniti adalah salah satu muzium yang penting untuk sesebuah kaum atau bangsa dalam mengekalkan identiti mereka. Bukan itu sahaja, dengan adanya muzium komuniti, mereka mampu mengajar atau memperkenalkan identiti mereka kepada masyarakat luar. Penyelidik berharap agar masyarakat mendapatkan pendedahan selepas kajian ini siap dilakukan.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang telah diperolehi semasa menjalankan proses pengumpulan data terhadap responden yang dipilih. Maklumat yang dimiliki adalah data yang diambil daripada proses temu ramah dan hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden yang terlibat. Dapatan kajian ini juga mengandungi maklumat dan data-data yang lengkap berkaitan dengan peranan Muzium Komuniti dalam pengekalan identiti di Melaka, Tapak Warisan Dunia Malaysia. Bukan itu sahaja, kajian ini juga dilakukan bagi melihat sama ada para responden yang pernah melawat ke Muzium Komuniti mengetahui tentang keunikan, sejarah, kepentingan muzium komuniti tersebut kepada sesebuah masyarakat, cara muzium komuniti diuruskan serta apa yang terdapat di dalam muzium komuniti tersebut. Segala maklumat yang diperolehi oleh pengkaji akan diperincikan melalui carta, graf dan gambar rajah yang bersesuaian seperti yang akan dirungkai oleh pengkaji dalam subtopik berikutnya.

4.1 Data Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi maklumat berkaitan dengan latar belakang sosio demografi para responden yang terlibat bagi melengkapkan penyelidikan ini. Maklumat ini diperolehi hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan secara atas iaitu 'google form' dan telah diisi oleh para responden yang pernah datang melawat ke Muzium Komuniti yang disenaraikan oleh pengkaji. Data-data tersebut adalah berkaitan dengan umur, jantina, bangsa, status serta pekerjaan para responden yang terlibat dan telah diterjemahkan seperti yang ditunjukkan dibawah:

| Jantina | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Lelaki | 41 | 48.8 |
| Perempuan | 43 | 51.2 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 | 100 |

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber; (Kajian Lapangan, 2021)

Berdasarkan jadual 4.1, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa 48.8% atau 41 orang responden yang menjawab borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji terdiri daripada golongan lelaki dan responden daripada kalangan wanita terdiri daripada 41 orang atau 51.2%. Hal ini menunjukkan bahawa responden daripada kalangan wanita lebih banyak berbanding golongan lelaki kerana golongan wanita didapati lebih mudah untuk memberikan kerjasama. Bukan itu sahaja, pemilihan responden ini juga dilakukan secara rawak. Manakala dapatan kajian juga telah mengenalpasti taburan responden mengikut umur adalah seperti paparan di bawah:

| Umur | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| 20-30 | 50 | 65.5 |
| 31-40 | 11 | 13.1 |
| 41-50 | 10 | 11.9 |
| 51-60 | 4 | 4.8 |
| 60 tahun ke atas | 4 | 4.8 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 | 100 |

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa sebanyak 50 orang atau 65.5% responden yang berusia dalam lingkungan 20-30 tahun. Seterusnya Responden yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 11 orang yang merangkumi 13.1% manakala seramai 10 orang atau 11.9% responden yang berusia dalam lingkungan 41-50 tahun. Selebihnya adalah responden yang berumur dalam lingkungan umur 51-60 dan 60 tahun ke atas

yang memiliki jumlah responden yang sama iaitu empat orang atau 4.8%. Dari hasil data yang dikumpul, pengkaji mendapati bahawa responden dari golongan umur 20-30 tahun memiliki peratusan menjawab yang paling tinggi dalam menjawab soal selidik secara atas talian ini. Faktor ini mungkin disebabkan golongan muda lebih banyak dan mahir dalam menggunakan laman sosial daripada golongan yang sudah berusia. Hal ini berlaku disebabkan borang soal selidik atau 'google form' ini telah diedarkan oleh pengkaji di laman sosial seperti *WhatsApp*, *Telegram*, *Facebook* dan *Instagram*. Bukan itu sahaja, pengkaji juga mendapati bahawa golongan muda lebih cenderung untuk melawati muzium daripada golongan tua. Berikut adalah taburan responden mengikut bangsa:

| Bangsa | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Melayu | 62 | 73.8 |
| India | 5 | 6 |
| Cina | 10 | 11.9 |
| Lain-lain | 7 | 8.3 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 | 100 |

Jadual 4.3: Taburan Responden Berdasarkan Bangsa

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa seramai 62 orang atau 96% responden yang menjawab soal selidik ini dari bangsa Melayu, responden berbangsa India sebanyak lima orang atau 6%, 10 orang responden dari bangsa Cina yang merangkumi sebanyak 11.9% dan lain-lain bangsa yang menunjukkan seramai tujuh orang atau mewakili sebanyak 8.3% di dalam jadual. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa ramai responden yang menjawab soal selidik ini adalah dalam kalangan bangsa Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh bangsa Melayu lebih banyak mengunjungi Muzium Komuniti berbanding bangsa-bangsa yang lainnya. Bukan itu sahaja, disebabkan borang soal selidik ini telah diedarkan secara atas talian, kemungkinan bangsa India, Cina dan lain-lainnya tidak menerima sebarang info tentang borang tersebut. Berikut adalah taburan responden mengikut status responden:

| Status | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Bujang | 51 | 60.7 |
| Berkahwin | 33 | 39.3 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 | 100 |

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Status

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.4 menunjukkan bahawa terdapat seramai 51 orang atau merangkumi 60.7% responden yang menjawab borang soal selidik ini memiliki status bujang dan hanya terdapat 33 orang atau 39.3% responden yang memegang status berkahwin. Hal ini menunjukkan bahawa responden yang memiliki status bujang lebih banyak menjawab borang soal selidik ini berbanding responden yang berstatus berkahwin. Ini mungkin berlaku disebabkan orang bujang lebih banyak masa untuk melayari laman sosial berbanding orang yang sudah berumah tangga. Berikut adalah taburan responden mengikut pekerjaan:

| Pekerjaan | Frekuensi | Peratus (%) |
|---------------------------|-----------|-------------|
| Sektor Kerajaan | 9 | 10.7 |
| Sektor Swasta | 26 | 31 |
| Bekerja Sendiri | 14 | 16.7 |
| Pelajar | 28 | 33.3 |
| Lain-lain | 7 | 8.3 |
| Jumlah Keseluruhan | 84 | 100 |

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Sumber: (Kajian Lapangan, 2021)

Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut pekerjaan. Melalui data yang telah dikumpul, seramai sembilan orang atau 10.7% responden yang menjawab soal selidik ini bekerja di sektor kerajaan. Di sektor swasta pula ialah 31% atau 26 orang dan terdapat 14 orang responden atau 16.7% responden yang memilih untuk bekerja sendiri. Seterusnya menunjukkan 28 orang atau 33.3% responden yang masih belajar dan terdapat tujuh orang atau 8.3% yang berada di lain-lain sektor. Ini

menunjukkan bahawa golongan pelajar dan sektor swasta lebih cenderung menjawab soal selidik ini berbanding mereka yang bekerja di pelbagai sektor yang lain.

4.2 Data Kepekaan Responden

| Fungsi Muzium | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Muzium Komuniti dibina untuk memastikan identiti sesebuah komuniti itu tidak lupus mengikut arus peredaran zaman.. | 1 | 1.19 | 0 | 0 | 6 | 7.14 | 35 | 41.67 | 42 | 50 |
| Muzium Komuniti dan Muzium Awam mempunyai fungsi yang berbeza | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 16 | 19.05 | 35 | 41.67 | 30 | 35.71 |
| Muzium Komuniti dibina untuk memperkenalkan identiti sesebuah bangsa kepada masyarakat. | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 9 | 10.71 | 34 | 40.48 | 39 | 46.83 |
| Muzium komuniti dibina untuk melindungi kewujudan sesebuah bangsa. | 1 | 1.19 | 0 | 0 | 12 | 14.29 | 32 | 38.1 | 39 | 46.83 |

Jadual 4.6: Kepekaan Pengunjung Terhadap Fungsi Muzium

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai kepekaan pengunjung terhadap fungsi muzium. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang muzium komuniti dibina untuk memastikan identiti sesebuah komuniti tidak lupus mengikut arus peredaran zaman, didapati seramai satu orang atau (1.19%) responden yang telah menjawab sangat tidak setuju dan tiada langsung atau 0% responden yang menjawab tidak setuju. Seterusnya, didapati seramai enam orang atau (7.14%) responden yang telah menjawab tidak pasti bagi pernyataan berkenaan. Turut didapati bahawa terdapat 35 orang atau (41.67%)

responden yang telah menjawab setuju dan 42 orang atau (50%) responden yang telah menjawab sangat bersetuju.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi dari Muzium Komuniti dan Muzium Awam mempunyai dua fungsi yang berbeza. Didapati seramai satu orang atau (1.19%) responden yang telah menjawab sangat tidak setuju, 2 orang atau (2.38%) yang telah menjawab tidak setuju, 16 orang atau sebanyak (19.05%) responden yang telah menjawab tidak pasti, 35 orang responden atau bersamaan (41.67%) responden yang telah menjawab setuju dan akhir sekali adalah 30 orang atau (35.71%) responden yang menjawab sangat setuju.

Persepsi responden mengenai Muzium Komuniti dibina untuk memperkenalkan identiti sesebuah bangsa kepada masyarakat adalah satu orang atau sebanyak (1.19%) responden didapati sangat tidak bersetuju dan tidak setuju dengan pernyataan tersebut, seramai sembilan orang atau (10.71%) responden yang menjawab tidak pasti, seramai 34 atau (40.48%) responden yang bersetuju dan 39 orang atau sebanyak (46.83%) yang memilih untuk menjawab sangat setuju tentang pernyataan tersebut.

Hasil dapatan kajian tentang Muzium Komuniti dibina untuk melindungi kewujudan sesebuah bangsa mendapati bahawa seramai satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut, tiada responden yang menjawab di skala dua atau tidak bersetuju, terdapat 12 orang responden atau sebanyak (14.29) responden yang menjawab tidak pasti, sebanyak 32 atau (38.1%) responden yang menjawab setuju dan 39 orang atau sebanyak (46.83%) responden yang telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

Keseluruhan hasil daripada dapatan kajian berkaitan kepekaan pengunjung terhadap fungsi muzium menunjukkan bahawa majoriti pengunjung peka terhadap fungsi muzium. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan pengunjung menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju di pernyataan yang dinyatakan oleh pengkaji.

| Pengurusan Muzium | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|------|---|-------|----|-------|----|-------|----|-------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Muzium komuniti mempunyai pengurusan yang sistematik. | 4 | 4.76 | 9 | 10.71 | 21 | 25 | 32 | 38.1 | 18 | 21.43 |
| Muzium komuniti diuruskan oleh komuniti itu sendiri. | 1 | 1.19 | 5 | 5.95 | 26 | 30.95 | 33 | 39.29 | 19 | 22.62 |
| Muzium komuniti dibina hasil daripada inisiatif komuniti itu sendiri dalam melindungi sejarah komuniti mereka. | 2 | 2.38 | 1 | 1.19 | 18 | 21.43 | 39 | 46.43 | 24 | 28.57 |
| Muzium komuniti mengenakan cas kemasukan kepada para pengunjung untuk menambahbaik infrastruktur di Muzium Komuniti. | 2 | 2.38 | 4 | 4.76 | 13 | 15.48 | 44 | 52.38 | 21 | 25 |

Jadual 4.7: Kepekaan Pengunjung Terhadap Pengurusan Muzium

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai kepekaan pengunjung terhadap pengurusan muzium. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang Muzium Komuniti mempunyai pengurusan yang sistematik, mendapati bahawa empat orang atau sebanyak (4.76%) yang telah menanda sangat tidak setuju, sembilan orang atau sebanyak (10.71%) responden menanda tidak setuju, 21 orang atau sebanyak (25%) responden menanda tidak pasti, 32 orang atau sebanyak (38.1%) responden menanda setuju dan 18 orang atau sebanyak (21.43%) responden menanda sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan Muzium Komuniti diuruskan oleh komuniti itu sendiri. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa satu orang atau sebanyak (1.19%) responden telah menanda di skala sangat tidak setuju, lima orang atau sebanyak (5.95%) responden telah menanda tidak setuju, 26 orang atau sebanyak (30.95%) responden telah menanda di bahagian tidak pasti, 33 orang atau sebanyak (39.29%) responden telah menanda setuju dan

seramai 19 orang atau sebanyak (22.62%) responden telah menanda sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

Selain itu, persepsi responden berkenaan pernyataan Muzium Komuniti dibina hasil daripada inisiatif komuniti itu sendiri dalam melindungi sejarah komuniti mereka menunjukkan bahawa seramai dua orang atau sebanyak (2.38%) responden menanda sangat tidak setuju, satu orang atau sebanyak (1.19%) responden menanda tidak setuju, 18 orang atau (21.43%) responden menanda tidak pasti, seramai 39 atau (46.43%) menanda setuju dan seramai 24 orang atau (28.57%) menanda sangat setuju dengan pernyataan tersebut.

Seterusnya adalah persepsi responden mengenai pernyataan Muzium Komuniti mengenakan cas kemasukan kepada para pengunjung untuk menambahbaik infrastruktur di Muzium Komuniti. Hasil dapatan mendapati bahawa seramai dua orang atau (2.38%) telah menanda sangat tidak setuju, empat orang atau (4.76%) telah menanda tidak bersetuju, seramai 13 orang atau (15.38%) telah menanda tidak pasti, seramai 44 orang atau (52.38%) responden menanda setuju dan seramai 21 orang atau (25%) responden menanda sangat setuju tentang pernyataan berkenaan.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian berkaitan dengan kepekaan pengunjung terhadap pengurusan muzium mendapati bahawa majoriti pengunjung peka terhadap pengurusan atau sistem yang dijalankan oleh pihak muzium. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pengunjung yang menjawab borang soal selidik telah menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju tentang pernyataan yang dinyatakan berkaitan oleh pengkaji berkaitan dengan pengurusan muzium.

| Sejarah | Skala | | | | | | | | | |
|---|-------|------|---|------|----|------|----|-------|----|------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Muzium komuniti memaparkan tentang sejarah, cara hidup dan beberapa jenis kraftangan yang | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 10 | 11.9 | 41 | 48.81 | 31 | 36.9 |

| | | | | | | | | | | |
|--|---|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| dihasilkan oleh komuniti berkenaan. | | | | | | | | | | |
| Muzium Komuniti dibina demi memastikan identiti sesebuah komuniti itu terjaga. | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 10 | 11.9 | 40 | 47.62 | 32 | 38.1 |
| Muzium Komuniti memaparkan keunikan yang terhasil dalam sesebuah komuniti. | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 7 | 8.33 | 48 | 57.14 | 26 | 30.95 |
| Muzium Komuniti merupakan lambang kepada pembentukan sesebuah komuniti hasil daripada campuran dua bangsa. | 2 | 2.38 | 1 | 1.19 | 16 | 19.05 | 36 | 42.86 | 29 | 34.52 |

Jadual 4.8: Kepekaan Pengunjung Terhadap Sejarah Muzium

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai kepekaan pengunjung terhadap sejarah muzium. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang Muzium Komuniti memaparkan tentang sejarah, cara hidup dan beberapa jenis kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti berkenaan menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden yang telah menanda sangat tidak setuju dan tidak setuju, sebanyak 10 orang atau (11.9%) responden telah menanda tidak pasti, sebanyak 41 orang atau (48.81%) responden telah menanda setuju dan sebanyak 31 orang atau (36.9%) responden telah menanda sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan Muzium Komuniti dibina demi memastikan identiti sesebuah komuniti itu terjaga. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menanda di skala satu dan dua yang mewakili sangat tidak setuju dan tidak setuju, sebanyak 10 orang atau (11.9%) responden telah menanda tidak pasti, sebanyak 40 orang atau (47.62%) responden yang menanda setuju dan sebanyak 32 orang atau (38.1%) responden telah menanda sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Selain itu, persepsi responden berkenaan pernyataan Muzium Komuniti memaparkan keunikan yang terhasil dalam sesebuah komuniti menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menanda sangat tidak setuju, sebanyak dua orang atau (2.38%) menanda di skala tidak setuju, sebanyak tujuh orang atau (8.33%) responden menanda tidak pasti, sebanyak 48 orang atau (57.14%) responden menanda setuju dan sebanyak 26 orang atau (30.95%) responden yang menanda sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Akhir sekali adalah persepsi responden mengenai pernyataan Muzium Komuniti merupakan lambang kepada pembentukan sesebuah komuniti hasil daripada campuran dua bangsa. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak dua orang atau (2.38%) responden telah menanda sangat tidak setuju, sebanyak satu orang atau (1.19%) responden yang menanda tidak setuju, sebanyak 16 orang atau (19.05%) responden telah menanda tidak pasti, sebanyak 36 orang responden atau (42.86%) responden menanda setuju dan sebanyak 29 orang atau (34.52%) responden yang menanda sangat bersetuju untuk pernyataan berkenaan.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian berkaitan dengan kepekaan pengunjung terhadap sejarah muzium mendapati bahawa majoriti pengunjung peka terhadap sejarah muzium komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pengunjung yang menjawab borang soal selidik telah menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju tentang pernyataan yang dinyatakan berkaitan oleh pengkaji berkaitan dengan sejarah muzium.

4.3 Ciri-ciri tarikan di Muzium komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti.

| Warisan Budaya Ketara | Skala | | | | | | | | | |
|---|-------|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Ukiran muzium komuniti di atas bertemakan rekabentuk ukiran tradisonal masyarakat mereka. | 1 | 1.19 | 5 | 5.95 | 13 | 15.48 | 39 | 46.43 | 26 | 30.95 |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| Muzium komuniti di atas mempamerkan barangan kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti mereka. | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 13 | 15.48 | 41 | 48.81 | 28 | 33.33 |
| Muzium komuniti di atas mempamerkan pakaian tradisional komuniti mereka. | 2 | 2.38 | 0 | 0 | 10 | 11.9 | 39 | 46.43 | 33 | 39.29 |
| Komuniti di atas mempamerkan tentang makanan tradisional masyarakat mereka. | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 15 | 17.86 | 38 | 45.24 | 29 | 34.52 |

Jadual 4.9: Ciri-ciri Muzium Komuniti Terhadap Warisan Budaya Ketara

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai ciri-ciri Muzium Komuniti terhadap warisan budaya ketara. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang ukiran muzium komuniti di atas bertemakan reka bentuk ukiran tradisional masyarakat mereka mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, sebanyak lima orang atau (5.95%) responden menjawab tidak setuju, sebanyak 13 orang atau (15.4%) responden telah menjawab tidak pasti, sebanyak 39 orang atau (46.43%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 26 orang atau (30.95%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan Muzium Komuniti di atas mempamerkan barangan kraftangan yang dihasilkan oleh komuniti mereka. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden menjawab sangat tidak bersetuju dan tidak setuju, sebanyak 13 orang atau (15.48%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 41 orang atau (48.81%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 28 orang atau (33.33%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan tersebut.

Selain itu, persepsi responden berkenaan pernyataan Muzium Komuniti di atas mempamerkan pakaian tradisional komuniti mereka menunjukkan bahawa sebanyak dua orang atau (2.38%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, tiada

responden yang menjawab di skala dua yang mewakili tidak setuju, sebanyak 10 orang atau (11.9%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 39 orang atau (46.43%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 33 orang atau (39.29%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Akhir sekali adalah persepsi responden mengenai pernyataan komuniti di atas mempamerkan tentang makanan tradisional masyarakat mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju, sebanyak 15 orang atau (17.86%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 38 orang atau (45.24%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 29 orang atau (34.52%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan berkenaan.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian berkaitan dengan ciri-ciri muzium komuniti terhadap warisan budaya ketara mendapati bahawa majoriti pengunjung peka terhadap warisan budaya ketara yang terdapat di Muzium Komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pengunjung yang menjawab borang soal selidik telah menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju tentang pernyataan yang dinyatakan berkaitan oleh pengkaji berkaitan dengan warisan budaya ketara di Muzium Komuniti.

| Warisan Budaya Tidak Ketara | Skala | | | | | | | | | |
|---|-------|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Muzium komuniti di atas mempamerkan tentang adat resam perkahwinan komuniti mereka. | 1 | 1.19 | 4 | 4.76 | 16 | 19.05 | 40 | 47.62 | 23 | 27.38 |
| Muzium komuniti di atas mempamerkan tentang kehidupan seharian komuniti mereka.. | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 17 | 20.24 | 38 | 45.24 | 26 | 30.95 |
| Muzium komuniti di atas | 2 | 2.38 | 2 | 2.38 | 18 | 21.43 | 38 | 45.24 | 24 | 28.57 |

| | | | | | | | | | | |
|--|---|------|---|------|----|-------|----|-------|----|------|
| mempamerkan tentang adat menyambut kelahiran komuniti mereka. | | | | | | | | | | |
| Muzium komuniti di atas mempamerkan sejarah awal perkembangan komuniti mereka. | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 12 | 14.29 | 37 | 44.05 | 32 | 38.1 |

Jadual 5.0:Ciri-ciri Muzium Komuniti Terhadap Warisan Budaya Tidak Ketara

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai ciri-ciri Muzium Komuniti terhadap warisan budaya tidak ketara. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang Muzium komuniti di atas mempamerkan tentang adat resam perkahwinan komuniti mereka mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, sebanyak empat orang atau (4.76%) responden menjawab tidak setuju, sebanyak 16 orang atau (19.05%) responden telah menjawab tidak pasti, sebanyak 40 orang atau (47.62%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 23 orang atau (27.38%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan Muzium Komuniti di atas mempamerkan tentang kehidupan seharian komuniti mereka. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden menjawab sangat tidak bersetuju, sebanyak dua orang atau (2.38%) menjawab tidak setuju, sebanyak 17 orang atau (20.24%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 38 orang atau (45.24%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 26 orang atau (30.95%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan tersebut.

Selain itu, persepsi responden berkenaan pernyataan Muzium Komuniti di atas mempamerkan tentang adat menyambut kelahiran komuniti mereka menunjukkan bahawa sebanyak dua orang atau (2.38%) responden telah menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju, sebanyak 18 orang atau (21.43%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 38 orang atau (45.24%) responden telah menjawab setuju dan

sebanyak 24 orang atau (28.57%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Akhir sekali adalah persepsi responden mengenai pernyataan Muzium Komuniti di atas mempamerkan sejarah awal perkembangan komuniti mereka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, sebanyak dua orang atau (2.38%) telah menjawab tidak setuju, sebanyak 12 orang atau (14.29%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 37 orang atau (44.05%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 32 orang atau (38.1%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan berkenaan.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian berkaitan dengan ciri-ciri muzium komuniti terhadap warisan budaya tidak ketara mendapati bahawa majoriti pengunjung peka terhadap warisan budaya tidak ketara yang terdapat di Muzium Komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pengunjung yang menjawab borang soal selidik telah menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju tentang pernyataan yang dinyatakan berkaitan oleh pengkaji berkaitan dengan warisan budaya tidak ketara di Muzium Komuniti.

4.4 Faktor yang menyebabkan pelancong datang ke muzium komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti.

| Faktor yang menyebabkan pelancong datang ke muzium komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti. | Skala | | | | | | | | | |
|--|-------|------|---|------|----|-------|----|-------|----|-------|
| | 1 | | 2 | | 3 | | 4 | | 5 | |
| | N | % | N | % | N | % | N | % | N | % |
| Mempunyai struktur ukiran bangunan yang menarik. | 1 | 1.19 | 7 | 8.33 | 10 | 11.9 | 37 | 44.05 | 29 | 34.52 |
| Menarik minat pelancong mengetahui dengan lebih terperinci tentang kehidupan komuniti di atas. | 2 | 2.38 | 1 | 1.19 | 8 | 9.52 | 39 | 46.43 | 34 | 40.48 |
| Menarik minat pelancong mengetahui aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium. | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 9 | 10.71 | 45 | 53.57 | 27 | 32.14 |
| Menarik minat pelancong mengetahui keunikan pameran yang dipaparkan di dalam muzium. | 1 | 1.19 | 0 | 0 | 9 | 10.71 | 39 | 46.43 | 35 | 41.67 |
| Menarik minat pelancong mengetahui sejarah perkembangan komuniti di atas. | 1 | 1.19 | 0 | 0 | 7 | 8.33 | 43 | 51.19 | 33 | 39.29 |
| Menarik minat pelancong untuk mengetahui kepentingan komuniti di atas dalam memainkan peranan terhadap sejarah pembentukan Melaka. | 1 | 1.19 | 1 | 1.19 | 7 | 8.33 | 42 | 50 | 33 | 39.29 |
| Menarik minat pelancong mengetahui suasana di dalam muzium komuniti. | 1 | 1.19 | 2 | 2.38 | 10 | 11.9 | 39 | 46.43 | 32 | 38.1 |
| Menarik minat pelancong mengetahui faktor | 1 | 1.19 | 0 | 0 | 11 | 13.1 | 38 | 45.24 | 34 | 40.48 |

| | | | | | | | | | | | |
|--------------------------|--------|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| pembentukan komuniti. | muzium | | | | | | | | | | |
|--------------------------|--------|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

Jadual 5.1: Faktor yang Menyebabkan Pelancong Datang ke Muzium Komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti.

Jadual di atas menunjukkan taburan frekuensi dan jumlah peratusan mengikut persepsi responden mengenai faktor yang menyebabkan pelancong datang ke muzium komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti. Berdasarkan hasil dapatan kajian tentang mempunyai struktur ukiran bangunan yang menarik mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, sebanyak tujuh orang atau (8.33%) responden menjawab tidak setuju, sebanyak 10 orang atau (11.9%) responden telah menjawab tidak pasti, sebanyak 37 orang atau (44.05%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 29 orang atau (34.52%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan menarik minat pelancong mengetahui dengan lebih terperinci tentang kehidupan komuniti di atas. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak dua orang atau (2.38%) responden menjawab sangat tidak bersetuju, sebanyak satu orang atau (1.19%) responden yang menjawab tidak setuju, sebanyak 8 orang atau (9.52%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 39 orang atau (46.43%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 34 orang atau (40.48%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan tersebut.

Selain itu, persepsi responden berkenaan pernyataan menarik minat pelancong mengetahui aktiviti yang dijalankan oleh pihak muzium menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, sebanyak dua orang atau (2.38%) responden yang menjawab tidak setuju, sebanyak 9 orang atau (10.71%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 45 orang atau (53.57%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 27 orang atau (32.14%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Di samping itu, persepsi responden berkaitan pernyataan menarik minat pelancong mengetahui keunikan pameran yang dipaparkan di dalam muzium

menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, tiada responden yang menjawab di skala dua yang mewakili tidak setuju, sebanyak 9 orang atau (10.71%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 39 orang atau (46.43%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 35 orang atau (41.67%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Selain itu, persepsi responden berkaitan pernyataan menarik minat pelancong mengetahui sejarah perkembangan komuniti di atas menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, tiada responden yang menjawab di skala dua yang mewakili tidak setuju, sebanyak tujuh orang atau (8.33%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 43 orang atau (51.19%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 33 orang atau (39.29%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Persepsi responden mengenai pernyataan menarik minat pelancong untuk mengetahui kepentingan komuniti di atas dalam memainkan peranan terhadap sejarah pembentukan Melaka. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju dan tidak setuju, sebanyak tujuh orang atau (8.33%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 42 orang atau (50%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 33 orang atau (39.29%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan berkenaan.

Seterusnya adalah hasil dapatan kajian yang diperolehi melalui pernyataan menarik minat pelancong mengetahui suasana di dalam muzium komuniti. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden menjawab sangat tidak setuju, sebanyak dua orang atau (2.38%) menjawab tidak setuju, sebanyak 10 orang atau (11.9%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 39 orang atau (46.43%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 32 orang atau (38.1%) responden telah menjawab sangat setuju tentang pernyataan tersebut.

Akhir sekali, persepsi responden berkaitan pernyataan menarik minat pelancong mengetahui faktor pembentukan muzium komuniti. menunjukkan bahawa sebanyak satu orang atau (1.19%) responden telah menjawab sangat tidak setuju, tiada responden yang menjawab di skala dua yang mewakili tidak setuju, sebanyak 11

orang atau (13.1%) responden menjawab tidak pasti, sebanyak 38 orang atau (45.24%) responden telah menjawab setuju dan sebanyak 34 orang atau (40.28%) responden telah menjawab sangat setuju dengan pernyataan berkenaan.

Keseluruhan daripada hasil dapatan kajian berkaitan dengan faktor yang menyebabkan pelancong datang ke Muzium Baba dan Nyonya, Muzium Chitti dan Muzium Portugis mendapati bahawa majoriti pengunjung setuju dengan pernyataan yang dinyatakan oleh pengkaji tentang faktor yang menyebabkan pengunjung melawat ke Muzium Komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana majoriti pengunjung yang menjawab borang soal selidik telah menanda diskala empat dan lima iaitu skala setuju dan sangat setuju tentang pernyataan yang dinyatakan berkaitan oleh pengkaji berkaitan dengan faktor yang menyebabkan pengunjung melawat ke Muzium Komuniti.

4.5 Peranan Muzium Komuniti di Bandaraya Melaka Terhadap Identiti Sesebuah Bangsa.

4.5.1 Kewujudan Muzium Komuniti dapat menyumbang kepada perpaduan sesebuah bangsa.

Pengkaji telah menemubual sebanyak dua orang responden untuk merungkai persoalan berkaitan dengan peranan Muzium Komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa. Informan pertama yang telah di temubual oleh pengkaji adalah Cik Nur Suhaily Binti Mohd Rezduan Chong yang berusia 25 tahun. Menurut beliau, beliau setuju dengan pernyataan yang diajukan oleh pengkaji berkaitan dengan kewujudan Muzium Komuniti dapat menyumbang kepada perpaduan bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana, dengan adanya penubuhan Muzium Komuniti beliau yakin ianya sedikit sebanyak dapat mengekalkan keamanan dan perpaduan sesebuah bangsa tersebut. Namun jika tiada Muzium Komuniti, perpaduan sesebuah bangsa masih mampu diteruskan kerana Malaysia merupakan negara yang mempunyai rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya tetapi masih hidup dengan harmoni kerana setiap bangsa di negara ini telah sama-sama berjuang untuk mempertahankan perpaduan itu.

Bagi pendapat saya, dengan ada muzium komuniti ini sedikit sebanyak membantu mengekalkan keamanan dan perpaduan sesebuah bangsa tersebut. Namun, sekiranya tidak ada muzium komuniti, perpaduan sesebuah bangsa tersebut masih mampu membantu mengekalkan perpaduan sesebuah bangsa tersebut. Kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa, agama dan budaya. Setiap bangsa di negara ini sudah hidup berjuang mempertahankan negara kita sudah sekian lama. Sebab itu perpaduan sesebuah bangsa itu amat penting dan perlu diambil peduli oleh setiap bangsa di Malaysia.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Selain itu, informan kedua iaitu Cik Nur Fazlena Binti Jamil yang berusia 23 tahun. Beliau juga bersetuju dengan persoalan pertama yang diajukan oleh pengkaji kerana dengan wujudnya Muzium Komuniti di Melaka, ianya mampu memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada rakyat tentang pembangunan sesebuah bangsa.

Pada pendapat saya, muzium komuniti semestinya penting dalam memainkan peranan sebagai medium perpaduan sesebuah bangsa. Hal ini kerana, melalui pendedahan yang diwujudkan di muzium Melaka, ia mampu memberi setiap rakyatnya pengetahuan mengenai pembangunan sesebuah bangsa. Dengan itu, mereka akan lebih merasa bangga dengan pencapaian setiap bangsa termasuk bangsa mereka sendiri.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.2 Identiti

4.5.2.1 Pembentukan muzium komuniti dapat mengekalkan identiti sesebuah bangsa daripada pupus.

Informan pertama iaitu Cik Nur Suhaily bersetuju dengan pernyataan pembentukan Muzium Komuniti dapat mengekalkan identiti sesebuah bangsa

daripada pupus. Hal ini disebabkan oleh apabila tiada pembentukan muzium komuniti maka bukti dan sejarah mengenai sesebuah bangsa itu akan turut hilang dan masyarakat juga tidak akan menyedari tentang asal usul pembentukan sesebuah bangsa itu wujud dalam komuniti tersebut. Muzium komuniti adalah satu institusi yang ditubuhkan oleh sesebuah kaum untuk memperkenalkan identiti mereka kepada dunia luar. Hal ini amat berkait rapat dengan teori yang digunakan oleh pengkaji yang menyatakan bahawa komuniti bermaksud satu organisasi sosial yang berskala kecil dan besar tetapi mempunyai amalan yang sama seperti agama dan identiti (Magdelina, 2018).

Sejujurnya ya, ini disebabkan hilangnya bukti mahupun kisah sejarah mengenai sesebuah bangsa itu, ramai orang tidak akan mengetahui asal usul pembentukan bangsa itu dalam kawasan komuniti tersebut. Oleh itu, ia membuktikan betapa pentingnya pembinaan muzium komuniti dan perlu dipertahankan buat selamanya khususnya bagi generasi yang akan datang.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Informan kedua iaitu Cik Nur Fazlena turut bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana beliau percaya dengan adanya Muzium Komuniti maka identiti bangsa tersebut akan turut terpelihara. Bukan itu sahaja, beliau juga berpendapat bahawa dengan adanya Muzium Komuniti masyarakat terutamanya generasi muda dapat diberikan pendedahan tentang kewujudan sesebuah komuniti. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan generasi muda pada masa kini masih tidak mengetahui dan mengambil peduli tentang kepentingan identiti sesebuah bangsa.

Pembentukan muzium komuniti semestinya mampu menghindari identiti sesebuah bangsa daripada pupus. Pada masa kini, dapat difahamkan bahawa kebanyakan generasi muda ramai yang tidak mengetahui atau tidak peduli akan kepentingan identiti sesebuah bangsa. Jadi, dengan membawa generasi muda seperti pelajar sekolah ke muzium komuniti mampu sedikit sebanyak memberi pengetahuan tentang identiti bangsa mereka.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.2.2 Muzium Komuniti ini mengandungi maklumat yang secukupnya tentang sesebuah bangsa.

Informan pertama iaitu Cik Nur Suhaily tidak bersetuju dengan pernyataan yang dinyatakan oleh pengkaji kerana bagi beliau, Muzium Komuniti tidak menyediakan maklumat yang tepat dan lengkap mengenai komuniti mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana maklumat yang terdapat dalam Muzium Komuniti sangat terhad walaupun dengan kewujudan Muzium Komuniti ini mampu mengekalkan identiti sesebuah bangsa tersebut.

Sejujurnya tidak, sebab maklumat yang tepat atau maklumat yang lebih details kita tak akan dapat jumpa dalam muzium komuniti ini. Dalam ini maklumat yang ada adalah terhad, walaupun muzium ini mampu mengekalkan identiti sesebuah bangsa itu namun disebabkan maklumat yang diberikan itu sedikit jadi mereka kian lupa dan tidak mengetahui dengan lanjut mengenai asal usul mereka sendiri.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Informan kedua iaitu Cik Nur Fazlena pula bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana bagi beliau fakta yang terdapat di dalam Muzium Komuniti merupakan satu perkara yang disebut sebagai sejarah. Namun, beliau juga tidak menyangkal bahawa maklumat-maklumat yang berada di Muzium Komuniti akan memiliki kekurangan dan kelebihan.

Segala fakta yang disediakan dalam muzium merupakan perkara yang disebut sebagai sejarah. Sejarah merupakan perkara yang telah terjadi dan mempunyai rekodnya sendiri. Oleh itu, jika terdapat sesuatu yang terkurang atau terlebih tiada siapa dapat menafikan hal tersebut. Setakat ini, segala maklumat disediakan oleh pihak muzium cukup dalam membantu mengekalkan identiti sesebuah bangsa.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.2.3 Muzium Komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa.

Informan pertama menyatakan bahawa beliau kurang pasti dengan pernyataan bagaimanakah Muzium Komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa kerana beliau melihat bahawa Muzium Komuniti ini kurang mendapat sambutan dalam masyarakat namun pihak komuniti itu sendiri masih berusaha untuk mempertahankan dan memperkenalkan kepada masyarakat terutamanya luar daripada negeri Melaka untuk mempelajari tentang identiti mereka.

Mengenai ini saya kurang pasti tetapi saya rasa muzium komuniti ini walaupun tidak mendapat sambutan yang banyak namun mereka masih gigih untuk mempertahankan muzium tersebut supaya mereka yang bukan orang melaka mampu mengetahui asal usul bangsa disini dan seterusnya memberi generasi anak muda di sini untuk melawat dan mengetahui asal usul mereka. Selain itu, saya rasa walaupun tidak banyak barang mahupun maklumat yang mampu ditayangkan mungkin kerana ianya confidential mahupun khazanah yang perlu dijaga ketat, namun dengan adanya muzium ini, melalui tayangan video mereka mampu berkongsi maklumat mengenai bangsa tersebut.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Menurut Informan kedua pula, Muzium Komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa iaitu Pihak Muzium menyediakan fakta penting berkaitan sesuatu sejarah sehingga mampu membantu dalam pengkalan identiti mereka.

Seperti yang dikatakan di soalan 4, sesebuah muzium menyediakan fakta-fakta penting mengenai sesuatu sejarah dan ia dapat membantu dalam mengekalkan identiti sesebuah bangsa.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.2.4 Usaha komuniti bagi mengekalkan identiti mereka.

Menurut Cik Suhaily yang merupakan informan pertama, beliau mencadangkan agar pihak komuniti dapat mengekalkan gaya, adat dan gaya hidup komuniti mereka supaya masyarakat terutamanya pendatang asing dapat mengetahui tentang mereka. Bukan itu sahaja, beliau juga mencadangkan supaya pihak komuniti mencari inisiatif untuk menghebahkan kepada masyarakat bandar dan luar bandar tentang Muzium Komuniti agar masyarakat sedar tentang kewujudan muzium mereka. Selain itu, Pihak komuniti juga boleh mempromosikan identiti mereka melalui beberapa kaedah seperti menggunakan alam maya dan secara berhadapan.

Cadangan saya supaya sesebuah komuniti itu mampu mengekalkan identiti mereka adalah pertama, mereka mengekalkan gaya, adat dan cara kehidupan komuniti mereka supaya orang ramai mengetahui tentangnya khususnya pendatang asing. Kedua, cari inisiatif untuk menghebahkan kepada semua sama ada ke luar bandar mahupun di kawasan bandar mengenai bangsa tersebut. Ini dapat membantu mereka mengekalkan identiti mereka di kawasan tersebut. Seterusnya, komuniti tersebut perlu mengambil langkah untuk mempromosikan identiti mereka sama ada secara alam maya mahupun bersemuka, contohnya memperkenalkan kawasan-ii yang vintage kepada orang luar kawasan tersebut, berkongsi tempat yang menarik dan juga kawasan makan yang sedap supaya mereka dapat datang ke sini untuk mencubanya.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Menurut Cik Nur Fazlena pula, pihak komuniti perlulah mempengaruhi masyarakat di sekitar mereka agar mengunjungi Muzium Komuniti bagi mengenali perkara berkaitan dengan komuniti mereka.

Usaha komuniti dalam mengekalkan identiti mereka adalah dengan mempengaruhi orang di sekeliling mereka agar mengunjungi muzium untuk mempelajari tentang identiti bangsa mereka. Mereka juga boleh meluaskan

pengetahuan mereka kepada orang lain, dengan itu pengetahuan tersebut dapat diketahui ramai dan tidak berhenti pada seorang individu sahaja.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.3 Muzium Komuniti ini menjadi salah satu punca yang menjadikan Melaka diiktiraf sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh Unesco.

Menurut informan pertama iaitu Cik Nur Suhaily, beliau tidak bersetuju dengan pernyataan Muzium Komuniti ini menjadi salah satu punca yang menjadikan Melaka diiktiraf sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh Unesco kerana beliau berpendapat bahawa Melaka mendapat pengiktirafan Unesco kerana mempunyai sejarah tentang berlakunya pertukaran barangan dan hubungan dengan negara asing. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada zaman dahulu Melaka sangat terkenal dengan sektor perdagangan dan Melaka juga merupakan pusat pelabuhan yang strategik bagi pedagang berlabuh.

Bagi saya tidak sebab kita semua sedia maklum yang Melaka sejak dahulu kala lagi terkenal disebabkan oleh sektor perdagangan kita. Melaka merupakan pusat pelabuhan yang strategik lokasinya bagi pengembara/pelayar untuk berhenti berehat dan lelain. Melaka mendapat mengiktirafan dari UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia kerana melaka mempunyai sejarah yang hebat dan disini banyak melakukan pertukaran barang, hubungan, dan sebagainya dengan negara asing. Melaka merupakan sebuah negeri yang megah pada dulu kala sebelum berlakunya kejatuhan Melaka.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Seterusnya, Cik Nur Fazlena yang merupakan informan kedua juga tidak menyetujui tentang pernyataan tersebut kerana menurut beliau Melaka diiktiraf oleh Unesco kerana Melaka merupakan negeri bermulanya sejarah di Malaysia. Beliau juga berpendapat bahawa banyak bukti-bukti yang sejarah yang ada di negeri Melaka yang menguatkan lagi tentang pendapat beliau.

Kewujudan sesebuah muzium di sesebuah tempat tidak menandakan bahawa tempat tersebut sebagai tapak warisan. Melaka merupakan sebuah tempat

dimana sesebuah sejarah di Malaysia bermula. Banyak bukti-bukti sejarah yang dapat disaksikan di bumi Melaka dan kewujudan muzium komuniti membuatkan lagi Melaka dilihat sebagai tapak yang penuh cerita. Hal ini membuatkan UNESCO mengiktiraf Melaka sebagai sebuah tapak warisan.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.4 Kewujudan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil daripada perkahwinan antara dua jenis bangsa.

Informan pertama bersetuju dengan pernyataan kewujudan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil daripada perkahwinan antara dua jenis bangsa kerana beliau juga sedia maklum dengan kewujudan bangsa Baba dan Nyonya menerusi perkawinan antara bangsa melayu dan cina. Beliau juga ada menyatakan bahawa komuniti Baba dan Nyonya ini banyak persamaan dengan orang melayu dari segi cara dan gaya pemakaian mereka.

Yup betul sebagai contoh kita sedia maklumkan orang melayu kita pernah adakan perkahwinan dengan orang China yang berjaya mewujudkan bangsa baba nyonya. Bangsa ini merupakan kacukan melayu-cina yang mana budaya mereka dicampurkan. Mereka merupakan orang cina namun gaya pemakaian dan cara mereka seperti orang melayu.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Informan kedua juga bersetuju dengan pernyataan tersebut kerana tujuan Muzium Komuniti dibina adalah untuk menyampaikan berkaitan fakta-fakta penting tentang sejarah sesuatu kejadian. Oleh itu, beliau tidak menolak bahawa Muzium Komuniti di Melaka merupakan bukti bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud akibat daripada percampuran dua jenis bangsa.

Tujuan sesebuah muzium diwujudkan adalah untuk menyediakan fakta-fakta penting tentang sejarah sesuatu kejadian. Oleh itu, semestinya muzium di

Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil perkahwinan dua bangsa.

(R2 8 Disember, Kajian Lapangan 2021)

4.5.5 Aktiviti di muzium komuniti yang menarik minat pelancong untuk melawat dan mengenali tentang bangsa mereka.

Menurut Cik Nur Suhaily, aktiviti di Muzium Komuniti yang menarik minat pelancong adalah pelancong diberi peluang untuk mencuba pakaian tradisional setiap bangsa tersebut supaya mereka mengalami perasaan teruja dan tertarik untuk mengetahui dan mencuba pakaian tradisional bangsa lain pula. Selain itu, beliau juga mencadangkan agar pihak komuniti menyediakan makanan tradisional bangsa mereka untuk para pelancong bagi menonjolkan lagi keunikan yang terdapat di Muzium Komuniti. Seterusnya, beliau mencadangkan agar pihak komuniti membuat tayangan teater yang menarik berkaitan komuniti mereka agar pengunjung tidak merasa bosan semasa berada di muzium tersebut.

Antara pengalaman yang saya ada semasa saya pergi ke muzium komuniti ini adalah memberi pelancong mencuba pakaian tradisional setiap bangsa itu, supaya mereka ada perasaan excited dan tertarik untuk mengetahui dan mencuba gaya budaya bangsa yang lain. Bagi saya ini merupakan aktiviti yang sangat penting. Selain itu, saya rasa tidak salah sekiranya pihak muzium itu sendiri menyediakan makanan tradisional bagi kawasan itu supaya dapat menonjolkan keunikan komuniti bangsa itu. Jadi pelancong dapat merasai perbezaan culture bagi setiap bangsa itu. Seterusnya, membuat tayangan teater yang menarik mengenai kisah-kisah sejarah yang pernah berlaku dalam setiap bangsa supaya mereka tertarik untuk datang ke muzium komuniti. Jadi takdelah mereka merasa bosan dan mereka akan sentiasa mencadangkan muzium komuniti tersebut ke orang lain.

(R1 4 Disember, Kajian Lapangan 2021)

Menurut Cik Nur Fazlena pula, beliau hanya mencadangkan agar Muzium Komuniti memberikan kuis kepada pengunjung dan pengunjung yang berjaya menjawab dengan betul akan diberikan sagu hati yang menarik.

BAB LIMA

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan serta membincangkan serba sedikit tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan ini akan menyentuh keseluruhan topik yang dibangkitkan di dalam kajian ini seperti bahagian permasalahan kajian, teori dan beberapa cadangan yang diutarakan melalui kajian ini. Bukan itu sahaja, pengkaji juga boleh mengulas secara kritis bagi tentang beberapa bahagian seperti kelemahan dan kekuatan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi. Bagi memberikan keselesaan kepada para pelawat yang akan mengunjungi Muzium Komuniti pada masa akan datang, pengkaji juga telah menyatakan beberapa cadangan kepada pihak berkaitan bagi tujuan menambahbaik sistem pengurusan Muzium Komuniti.

Kesimpulan daripada bab satu dalam kajian ini membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop dan kepentingan kajian. Latar belakang pengkaji menetapkan di tiga buah muzium komuniti iaitu Muzium Portugis, Muzium Chitti serta Muzium Baba dan Nyonya yang terletak di Bandaraya Melaka. Permasalahan kajian mendapati bahawa Muzium Komuniti adalah kurang menarik berbanding Muzium Awam. Hal ini berlaku disebabkan oleh masalah kekurangan wang atau dana menyebabkan Muzium Komuniti tidak mampu untuk menambah baik infrastruktur di muzium berkenaan. Selain itu, masalah kekurangan dana kewangan ini juga berlaku akibat daripada tiada campur tangan daripada badan kerajaan atau badan-badan tertentu ke atas Muzium Komuniti. Hal ini disebabkan Muzium Komuniti ini dibina berdasarkan inisiatif komuniti sendiri untuk mempromosikan bangsa mereka kepada dunia luar. Ini menyebabkan kerajaan atau badan yang lainnya tiada mengambil inisiatif bagi menyalurkan dana kepada Muzium Komuniti.

Rumusan dalam bab dua membincangkan mengenai sorotan kajian berkaitan kajian-kajian lepas secara umum mengenai Muzium Komuniti. Selain itu, pengkaji juga merujuk kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan

muzium komuniti dan muzium awam. Seterusnya, terdapat juga ulasan dan pendapat pengkaji terdahulu berkaitan dengan buku dan kajian berkaitan dengan tajuk muzium komuniti, Muzium Portugis, Muzium Chitti serta Muzium Baba dan Nyonya akan dimuatkan dalam bab ini sebagai rujukan kepada pengkaji. Setiap kajian yang berjaya diperolehi oleh pengkaji adalah saling berhubung kait dengan Muzium Komuniti. Kajian ini turut mementingkan dan menitikberatkan sorotan kajian lepas kerana ianya dijadikan sebagai contoh dan panduan terbaik untuk menghasilkan sebuah kajian yang sempurna dalam setiap sudut.

Kesimpulan dalam bab tiga adalah mengenai metodologi kajian. Metodologi kajian merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat dan data yang berkaitan dengan tinjauan yang dijalankan sekaligus berperanan sebagai medium untuk menjawab segala persoalan dan objektif kajian. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah campuran yang bertujuan untuk mengukuhkan ketelusan data yang ditulis oleh pengkaji. Pendekatan kaedah kualitatif yang digunakan merangkumi temubual dimana pengkaji telah menemu bual dua orang responden yang terdiri daripada pelawat yang pernah melawati Muzium Komuniti. Bukan itu sahaja, pendekatan kuantitatif turut digunakan oleh pengkaji merangkumi soal selidik secara atas talian '*google form*'. Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah rujukan kajian lepas untuk memperolehi maklumat berkaitan tajuk kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian ini amat penting untuk diletakkan dalam sesebuah kajian kerana ianya berperanan untuk memudahkan pengkaji mendapatkan bahan kajian, sumber rujukan serta maklumat yang berkaitan dengan kajian.

Akhir sekali, bab 4 membincangkan tentang dapatan kajian dan perbincangan dimana tema-tema soalan yang diperolehi hasil daripada temubual bersama informan akan dibincangkan. Bab ini juga membincangkan tentang ciri-ciri muzium komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka, Faktor yang menyebabkan para pelancong datang melawat ke muzium komuniti di Bandaraya Melaka dan peranan muzium komuniti di Bandaraya Melaka terhadap identiti sesebuah bangsa. Kajian ini juga dilakukan adalah untuk mengetahui sama ada para informan yang terlibat mempunyai pengetahuan yang luas tentang kewujudan Muzium Komuniti di Bandaraya Melaka. Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi juga adalah saling berkait rapat dengan maklumat berkaitan peranan muzium komuniti dalam pengejalan identiti di

Melaka, tapak warisan dunia Malaysia. Terdapat lebih kurang lapan soalan yang berbeza mengikut objektif untuk di temubual manakala terdapat lebih kurang dua puluh lapan soalan untuk borang soal selidik mengikut kepada tema yang ditetapkan merangkumi aspek kepekaan responden terhadap fungsi, pengurusan dan sejarah muzium, ciri-ciri tarikan muzium komuniti dari aspek warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara serta faktor yang menyebabkan pelancong datang ke muzium komuniti Baba dan Nyonya, Muzium Portugis dan Muzium Chitti. Setiap daripada hasil tersebut dilakukan berlandaskan objektif yang telah diselaraskan untuk melengkapkan kajian ini.

5.1 Cadangan

Bagi memastikan Muzium Komuniti sentiasa menjadi tumpuan para pelancong, terdapat beberapa cadangan meliputi aspek seperti, menambahbaik pengurusan sistem komunikasi, pengurusan operasi muzium dan cas yang dikenakan terhadap para pengunjung. Hal ini adalah untuk memastikan para pelancong sentiasa berpuashati terhadap pengurusan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh muzium komuniti. Cadangan tersebut adalah seperti berikut:

5.1.1 Pihak Muzium Komuniti

Melihat daripada kajian yang dilaksanakan ini, menunjukkan bahawa segala objektif kajian ini berjaya dicapai dengan sebaiknya. Segala hasil kajian yang melibatkan kaedah temu bual dan soal selidik menunjukkan bahawa Muzium komuniti memainkan peranan dalam pengekalannya identiti di Melaka, tapak warisan dunia Malaysia.

Pengkaji mencadangkan agar pihak muzium komuniti meneruskan lagi usaha dalam menambahbaik sistem pengurusan komunikasi mereka bagi melancarkan lagi perjalanan dalam pengurusan muzium. Hal ini bertujuan untuk memudahkan para pelancong menghubungi talian pihak muzium komuniti untuk mengetahui dengan lanjut berkenaan sesuatu maklumat yang mereka perlukan.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan supaya pihak muzium komuniti dapat menambahbaik sistem pengurusan operasi muzium dimana mereka haruslah mengemaskini waktu dan hari pembukaan muzium di laman sesawang seperti

'facebook' dan 'Instagram'. Hal ini bertujuan untuk memudahkan pelancong mengunjungi muzium komuniti tanpa sebarang masalah teknikal seperti muzium muzium tutup.

Akhir sekali ialah pihak muzium komuniti haruslah mengkaji semula cas bayaran masuk yang dikenakan terhadap para pelancong. Hal ini bertujuan untuk memastikan cas bayaran masuk yang dikenakan kepada pengunjung adalah berpatutan dan tidak membebankan mereka. Hal ini juga adalah untuk memastikan para pengunjung tidak keberatan untuk mengunjungi muzium komuniti tersebut pada lain masa.

5.1.2 Kerajaan Negeri Melaka

Pengkaji mencadangkan agar Kerajaan Negeri Melaka memantau perkembangan Muzium Komuniti bagi memastikan sistem operasi muzium komuniti berjalan dengan lancar. Hal ini dikatakan demikian kerana Muzium Komuniti juga merupakan salah satu destinasi yang menjadi tumpuan para pelancong sekaligus menjadi faktor penyumbang kepada perkembangan sektor pelancongan di Negeri Melaka.

Seterusnya adalah pengkaji juga mencadangkan agar Kerajaan Negeri Melaka dapat memperuntukkan sedikit dana untuk Muzium Komuniti bagi memastikan mereka sentiasa beroperasi. Hal ini adalah bertujuan untuk meringankan sedikit beban yang ditanggung oleh Muzium Komuniti akibat kerugian yang ditanggung semasa menghadapi wabak covid-19.

5.2 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa peranan muzium komuniti dalam pengekalan identiti di Melaka, tapak warisan dunia Malaysia ini adalah amat baik dan mampu memberikan satu nilai yang berharga kepada komuniti setempat, kerajaan negeri serta para pelancong. Hal ini dikatakan demikian kerana komuniti sendiri dapat memperkenalkan budaya dan cara kehidupan mereka kepada pengunjung yang mengunjungi muzium komuniti, kerajaan negeri Melaka pula dapat meningkatkan sumber ekonomi kerajaan negeri melalui sektor pelancongan manakala para pelancong pula dapat menambah serba sedikit pengetahuan mereka berkaitan beberapa komuniti yang terdapat di Bandaraya Melaka.

6.0 Rujukan

- Sri Winarni Samsir, Ahmad, H., Hamzah Jusoh, Er Ah Choy, Amriah Buang, Mastura Mahmud, Hazita Azman, Siti Kasmera Ariffin, & Kiki Rizki Makiya. (2014). Pengintegrasian elemen pendidikan dalam pembangunan produk rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka: Pendekatan pengusaha pelancongan (Integrating educational elements in recreational tourism development of the Melaka World Heritage Site: Approaches from tourism providers). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(8). <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/19063>.
- Ang Kean Hua. (2015). Melaka sebagai pusat pelancongan dunia: Dapatkah dipertahankan? (Malacca as a world tourism centre: Is it sustainable?). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(9). <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/18834>
- Mathieson A, Wall G (1982) *Tourism: Economic, Physical and Social Impacts*. Longman Group UK Limited, London.
- Clarence LB, Robert KB (1992). *The World Book Dictionary*. World Book, Chicago.
- Nazrin, A. (2014). *Pembentukan Destinasi Mesra Pelancong Berasaskan Perspektif Pelancong Domestik*. ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/316580807_Pembentukan_Destinasi_Mesra_Pelancong_Berasaskan_Perspektif_Pelancong_Domestik
- Mason P (2003) *Tourism Impacts, Planning and Management*. Biddles Ltd., Great Britian.
- Prosiding, & Vii. (2012). Motivasi dan Kepuasan Pelancong Asing di Malaysia Motivation and Satisfaction among Foreign Tourist s in Malaysia. *JILID, 1*, 641–651. https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_2E6.pdf
- SA'ADIAH MA'ALIP, & OMAR, R. (2018). PENGUASAAN BAHASA BABA-NYONYA DALAM KALANGAN MASYARAKAT BABA-NYONYA DI MELAKA. *Jurnal Melayu*, 2(17). <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28676/8531>
- Pengiktirafan Melaka Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO – My World of Tourism*. (2013, January 17). Asmaliana.com. <http://asmaliana.com/blog/2013/01/17/pengiktirafan-melaka-sebagai-tapak-warisan-dunia-unesco/>

Geografia Online, T., & Malaysian. (n.d.). Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang Management of UNESCO heritage city and local community involvement: A case study of George Town, Penang. *Journal of Society and Space 11 Issue, 12*, 87–99.

<http://journalarticle.ukm.my/9559/1/9.geografia-si-nov15-solihah-edam1.pdf>

Carian JWN. (2021). Heritage.gov.my.
<http://www.heritage.gov.my/carian-jwn.html?searchword=melaka%20bandar%20bersejarah&searchphrase=all>

Fuad, A. (2018, July 7). *Keunikan dijaga : Baba Nyonya identiti Melaka*. MelakaKini; MelakaKini.

<https://melakakini.my/keunikan-dijaga-baba-nyonya-identiti-melaka/>

nur zamzamah. (2015). *INDIA CHETTI DI MELAKA*. Academia.edu.
https://www.academia.edu/40750323/INDIA_CHETTI_DI_MELAKA

Maklumat Lanjut MELAKA NEGERI BERSEJARAH. (n.d.).
https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_DOSM_MELAKA_1_2020_Siri-81.pdf

Pengiktirafan Melaka Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO – My World of Tourism. (2013, January 17). Asmaliana.com.
<http://asmaliana.com/blog/2013/01/17/pengiktirafan-melaka-sebagai-tapak-warisan-dunia-unesco/>

Portuguese Settlement Heritage Museum - Perihal. (2021). Facebook.com.
https://mobile.facebook.com/portsettmuseum/about?_rdc=1&_rdr

Dondang Sayang. (2011). *Perkampungan Portugis (Portuguese Settlement)*. Blogspot.com.
<http://dondangsayangmelaka.blogspot.com/2011/07/perkampungan-portugis-portuguese.html>

Tengku Halbert. (2017, October 31). *Muzium Baba Dan Nyonya Tempat Menarik di Melaka - Tempat Menarik*. Tempat Menarik.
<https://www.tempatmenarik.my/muzium-baba-dan-nyonya-tempat-menarik-di-melaka/>

Njiruwo, E. (2015). *COMMUNITY MUSEUM AND MEANING MAKING: A SURVEY OF COMMUNITY MUSEUMS IN THE GRASSLAND REGION OF ANGLOPHONE CAMEROON*. African Journal of Social Sciences.
https://www.academia.edu/38847609/COMMUNITY_MUSEUM_AND_MEA

NING MAKING A SURVEY OF COMMUNITY MUSEUMS IN THE GRASSLAND REGION OF ANGLOPHONE CAMEROON

- Museology* | Department of Museums Malaysia. (2016). Jmm.gov.my.
<http://www.jmm.gov.my/en/museology>
- Bahagian Komunikasi Korporat* | Jabatan Muzium Malaysia. (2016). Jmm.gov.my.
<http://www.jmm.gov.my/ms/bahagian-komunikasi-korporat>
- Kepada, P., Permuziuman, D., Ahmad, Malaysia, J., Damansara, J., & Lumpur, K. (n.d.).
<http://www.jmm.gov.my/files/Pengenalan%20Kepada%20Dunia%20Permuziuman.pdf>
- Watson, S. (2007). *Museums and Their Communities*. ResearchGate; unknown.
https://www.researchgate.net/publication/40610623_Museums_and_Their_Communities
- Museum Definition* - ICOM. (2021, February 11). ICOM.
<https://icom.museum/en/resources/standards-guidelines/museum-definition/>
- The community museum: a space for the exercise of communal power*. (n.d.).
<https://recil.grupolusofona.pt/bitstream/10437/4506/1/The%20community%20museums.pdf>
- www.facebook.com/madeinuitm. (2017, October 9). *Perbezaan Antara Kajian Kuantitatif dan Kualitatif*. Made in UITM.
<https://madeinuitm.com/perbezaan-antara-kajian-kuantitatif-dan-kualitatif/>
- Uin, A., & Banjarmasin, A. (2018). Analisis Data Kualitatif. *Januari -Juni*, 17(33).
<http://jurnal.uin-antasari.ac.id/index.php/alhadharah/article/viewFile/2374/1691>
- Sukri, S. (2017). *Community Engagement A case study on the four ethnic groups in Melaka, World Heritage City, Malaysia*.
<https://etheses.whiterose.ac.uk/24353/1/Community%20Engagement%20in%20Melaka%20WHS%20-%20Suraya%20-%20PhD%20-%202019.pdf>
- Muzium & Galeri Melaka - Posts*. (2021). Facebook.com.
https://web.facebook.com/MelakaMuseum/posts/pada-peringkat-awal-penubuhan-muzium-melaka-boleh-dilihat-setelah-lawatan-sir-ge/974162436032310/?_rdc=1&_rdr

Mohd Shazwan Mokhtar, & Shukry Abdullah. (2017, October). *PERKEMBANGAN MUZIUM MELAKA, 1953-1960: SATU TINJAUAN AWAL (THE MELAKA MUSEUM DEVELOPMENT, 1953-1960: A...* ResearchGate; unknown. https://www.researchgate.net/publication/308778525_PERKEMBANGAN_MUZIUM_MELAKA_1953-1960_SATU_TINJAUAN_AWAL_THE_MELAKA_MUSEUM_DEVELOPMENT_1953-1960_A_PRELIMINARY_VIEW

NewspaperSG - *The Straits Times, 12 July 1953.* (2011). Nlb.gov.sg. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/straitstimes19530712-1>


NewspaperSG - *The Straits Times, 20 March 1954.* (2011). Nlb.gov.sg. <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/issue/straitstimes19540320-1>

Kebudayaan. (2021). Plone Site. <https://www.melaka.gov.my/ms/rakyat/info-melaka/kebudayaan>

Mcleod, S. (2019). *Social Identity Theory | Simply Psychology.* Simplypsychology.org. <https://www.simplypsychology.org/social-identity-theory.html>

Research-Methodology. (2012). *Quota sampling - Research Methodology.* Research-Methodology. <https://research-methodology.net/sampling-in-primary-data-collection/quota-sampling/>

Snowball Sampling: Definition, Advantages and Disadvantages. (2021, May 22). Statistics How To. <https://www.statisticshowto.com/probability-and-statistics/statistics-definitions/snowball-sampling/>



LAMPIRAN



Gambar 2: Temubual bersama informan 2, Cik Nur Fazlena Binti Jamil

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

LATAR BELAKANG INFORMAN

| | |
|-----------------------|--|
| Nama Informan | Cik Nur Suhaily Binti Mohd Redzuan Chong |
| Peranan | Pengunjung |
| Tarikh/ Hari Temubual | 4 Disember 2021 (Sabtu) |
| Masa Temubual | 30 minit |
| Lokasi | Bandaraya Melaka |

| | |
|-----------------------|-----------------------------|
| Nama Informan | Cik Nur Fazlena Binti Jamil |
| Peranan | Pengunjung |
| Tarikh/ Hari Temubual | 8 Disember 2021 (Rabu) |
| Masa Temubual | 20 minit |
| Lokasi | Bandaraya Melaka |

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| | Interview Transcript |
|---|--|
| A | Pada pendapat anda, adakah kewujudan muzium komuniti dapat menyumbang kepada perpaduan sesebuah bangsa? |
| B | Bagi pendapat saya, dengan ada muzium komuniti ini sedikit sebanyak membantu mengekalkan keamanan dan perpaduan sesebuah bangsa tersebut. Namun, sekiranya tidak ada muzium komuniti, perpaduan sesebuah bangsa tersebut masih mampu membantu mengekalkan perpaduan sesebuah bangsa tersebut. Kita sedia maklum bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai bangsa, agama dan budaya. Setiap bangsa di negara ini sudah hidup berjuang mempertahankan negara kita sudah sekian lama. Sebab itu perpaduan sesebuah bangsa itu amat penting dan perlu diambil peduli oleh setiap bangsa di Malaysia. |
| A | Adakah pembentukan muzium komuniti ini dapat mengekalkan identiti sesebuah bangsa daripada pupus? |
| B | Sejujurnya ya, ini disebabkan hilangnya bukti mahupun kisah sejarah mengenai sesebuah bangsa itu, ramai orang tidak akan mengetahui asal usul pembentukan bangsa itu dalam kawasan komuniti tersebut. Oleh itu, ia membuktikan betapa pentingnya pembinaan muzium komuniti dan perlu dipertahankan buat selamanya khususnya bagi generasi yang akan datang. |
| A | Adakah muzium komuniti ini menjadi salah satu punca yang menjadikan Melaka diiktiraf sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh Unesco? |
| B | Bagi saya tidak sebab kita semua sedia maklum yang melaka sejak dahulu kala lagi terkenal disebabkan oleh sektor perdagangan kita. Melaka merupakan pusat pelabuhan yang strategik lokasinya bagi pengembara/pelayar untuk berhenti berehat dan lelain. Melaka mendapat mengiktirafan dari UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia kerana melaka mempunyai sejarah yang hebat dan disini banyak melakukan pertukaran barang, hubungan, dan sebagainya dengan negara asing. Melaka merupakan sebuah negeri yang megah pada dulu kala sebelum berlakunya kejatuhan melaka. |

| | |
|---|--|
| A | Adakah dengan kewujudan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil daripada perkahwinan antara dua jenis bangsa |
| B | Yup betul sebagai contoh kita sedia maklumkan orang melayu kita pernah adakan perkahwinan dengan orang China yang berjaya mewujudkan bangsa baba nyonya. Bangsa ini merupakan kacukan melayu-cina yang mana budaya mereka dicampurkan. Mereka merupakan orang cina namun gaya pemakaian dan cara mereka seperti orang melayu. |
| A | Adakah muzium komuniti ini mengandungi maklumat yang secukupnya tentang sesebuah bangsa sehingga dapat mengekalkan identiti mereka daripada pupus? |
| B | Sejujurnya tidak, sebab maklumat yang tepat atau maklumat yang lebih details kita tak akan dapat jumpa dalam muzium komuniti ini. Dalam ini maklumat yang ada adalah terhad, walaupun muzium ini mampu mengekalkan identiti sesebuah bangsa itu namun disebabkan maklumat yang diberikan itu sedikit jadi mereka kian lupa dan tidak mengetahui dengan lanjut mengenai asal usul mereka sendiri. |
| A | Bagaimanakah muzium komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa? |
| B | Mengenai ini saya kurang pasti tetapi saya rasa muzium komuniti ini walaupun tidak mendapat sambutan yang banyak namun mereka masih gigih untuk mempertahankan muzium tersebut supaya mereka yang bukan orang nelaka mampu mengetahui asal usul bangsa disini dan seterusnya memberi generasi anak muda di sini untuk melawat dan mengetahui asal usul mereka. Selain itu, saya rasa walaupun tidak banyak barang mahupun maklumat yang mampu ditayangkan mungkin kerana ianya confidential mahupun khazanah yang perlu dijaga ketat, namun dengan adanya muzium ini, melalui tayangan video mereka mampu berkongsi maklumat mengenai bangsa tersebut. |
| A | Apakah usaha komuniti bagi mengekalkan identiti mereka. |
| B | Cadangan saya supaya sesebuah komuniti itu mampu mengekalkan identiti |

| | |
|---|--|
| | <p>mereka adalah pertama, mereka mengekalkan gaya, adat dan cara komuniti mereka supaya orang ramai mengetahui tentangnya khususnya pendatang asing. Kedua, cari inisiatif untuk menghebahkan kepada semua sama ada ke luar bandar mahupun di kawasan bandar mengenai bangsa tersebut. Ini dapat membantu mereka mengekalkan identiti mereka di kawasan tersebut. Seterusnya, komuniti tersebut perlu mengambil langkah untuk mempromosikan identiti mereka sama ada secara alam maya mahupun bersemuka, contohnya memperkenalkan kawasan-ii yang vintage kepada orang luar kawasan tersebut, berkongsi tempat yang menarik dan juga kawasan makan yang sedap supaya mereka dapat datang kesini untuk mencubanya..</p> |
| A | <p>Apakah aktiviti di muzium komuniti yang menarik minat pelancong untuk melawat dan mengenali tentang bangsa mereka.</p> |
| B | <p>Antara pengalaman yang saya ada semasa saya pergi ke muzium komuniti ini adalah memberi pelancong mencuba pakaian traditsional setiap bangsa itu, supaya mereka ada perasaan excited dan tertarik untuk mengetahui dan mencuba gaya budaya bangsa yang lain. Bagi saya ini merupakan aktiviti yang sangat penting. Selain itu, saya rasa tidak salah sekiranya pihak muzium itu sendiri menyediakan makanan tradisional bagi kawasan itu supaya dapat menonjolkan keunikan komuniti bangsa itu. Jadi pelancong dapat merasai perbezaan culture bagi setiap bangsa itu. Seterusnya, membuat tayangan teater yang menarik mengenai kisah-kisah sejarah yang pernah berlaku dalam setiap bangsa supaya mereka tertarik untuk datang ke muzium komuniti . Jadi takdelah mereka merasa bosan dan mereka akan sentiasa mencadangkan muzium komuniti tersebut ke orang lain.</p> |



Informan 2: Cik Nur Fazlena Binti Jamil

| | Interview Transcript |
|---|--|
| A | Pada pendapat anda, adakah kewujudan muzium komuniti dapat menyumbang kepada perpaduan sesebuah bangsa? |
| B | Pada pendapat saya, muzium komuniti semestinya penting dalam memainkan peranan sebagai medium perpaduan sesebuah bangsa. Hal ini kerana, melalui pendedahan yang diwujudkan di muzium Melaka, ia mampu memberi setiap rakyatnya pengetahuan mengenai pembangunan sesebuah bangsa. Dengan itu, mereka akan lebih merasa bangga dengan pencapaian setiap bangsa termasuk bangsa mereka sendiri. |
| A | Adakah pembentukan muzium komuniti ini dapat mengekalkan identiti sesebuah bangsa daripada pupus? |
| B | Pembentukan muzium komuniti semestinya mampu menghindari identiti sesebuah bangsa daripada pupus. Pada masa kini, dapat difahamkan bahawa kebanyakan generasi muda ramai yang tidak mengetahui atau tidak peduli akan kepentingan identiti sesebuah bangsa. Jadi, dengan membawa generasi muda seperti pelajar sekolah ke muzium komuniti mampu sedikit sebanyak memberi pengetahuan tentang identiti bangsa mereka. |
| A | Adakah muzium komuniti ini menjadi salah satu punca yang menjadikan Melaka diiktiraf sebagai salah satu Tapak Warisan Dunia oleh Unesco? |
| B | Kewujudan sesebuah muzium di sesebuah tempat tidak menandakan bahawa tempat tersebut sebagai tapak warisan. Melaka merupakan sebuah tempat dimana sesebuah sejarah di Malaysia bermula. Banyak bukti-bukti sejarah yang dapat disaksikan di bumi Melaka dan kewujudan muzium komuniti membuatkan lagi Melaka dilihat sebagai tapak yang penuh cerita. Hal ini membuatkan UNESCO mengiktiraf Melaka sebagai sebuah tapak warisan. |
| A | Adakah dengan kewujudan muzium komuniti di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil daripada perkahwinan antara dua jenis bangsa |
| B | Tujuan sesebuah muzium diwujudkan adalah untuk menyediakan fakta-fakta penting tentang sejarah sesuatu kejadian. Oleh itu, semestinya |

| | |
|---|--|
| | muzium di Bandaraya Melaka dapat membuktikan bahawa terdapat beberapa bangsa yang wujud hasil perkahwinan dua bangsa. |
| A | Adakah muzium komuniti ini mengandungi maklumat yang secukupnya tentang sesebuah bangsa sehingga dapat mengekalkan identiti mereka daripada pupus? |
| B | Segala fakta yang disediakan dalam muzium merupakan perkara yang disebut sebagai sejarah. Sejarah merupakan perkara yang telah terjadi dan mempunyai rekodnya sendiri. Oleh itu, jika terdapat sesuatu yang terkurang atau terlebih tiada siapa dapat menafikan hal tersebut. Setakat ini, segala maklumat disediakan oleh pihak muzium cukup dalam membantu mengekalkan identiti sesebuah bangsa. |
| A | Bagaimanakah muzium komuniti berfungsi mengekalkan identiti sesebuah bangsa? |
| B | Seperti yang dikatakan di soalan 4, sesebuah muzium menyediakan fakta-fakta penting mengenai sesuatu sejarah dan ia dapat membantu dalam mengekalkan identity sesebuah bangsa. |
| A | Apakah usaha komuniti bagi mengekalkan identiti mereka. |
| B | Usaha komuniti dalam mengekalkan identity mereka adalah dengan mempengaruhi orang di sekeliling mereka agar mengunjungi muzium untuk mempelajari tentang identiti bangsa mereka. Mereka juga boleh meluaskan pengetahuan mereka kepada orang lain, dengan itu pengetahuan tersebut dapat diketahui ramai dan tidak berhenti pada seorang individu sahaja. |
| A | Apakah aktiviti di muzium komuniti yang menarik minat pelancong untuk melawat dan mengenali tentang bangsa mereka. |
| B | Quiz dengan hadiah yang menarik. |

KELANTAN